PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Jarir bin Abdullah Radiallahuanhu katanya :
"Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya :
Allah tidak mengasihi sesiapa yang tidak mengasihi manusia".
- (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.35 | SUBUH 4.45 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.40
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 58 | 13 MEI 2024 / 1445 ذوالقعدة 4 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN PERCUMA

# BERKENAN MENERIMA MENGADAP



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah yang akan menamatkan perkhidmatan yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (*Lihat muka 2*).**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

# MOFE perkenalkan Sistem TAFIS 2.0

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 11 Mei. - Sepertimana yang dimaklumkan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) telah pun melancarkan Sistem TAFIS 2.0, iaitu sistem perakaunan dan pembayaran yang baharu menggunakan platform SAP, bagi menggantikan sistem lama pada 1 April 2024, iaitu selaras dengan bermulanya Tahun Kewangan 2024/2025.

Bagi mana-mana sistem yang baharu, adalah dijangkakan sistem berkenaan akan mempunyai isu-isu dan cabaran-cabaran pada awal penggunaannya termasuk *system stabilization period*.

MOFE sangat mengambil berat terhadap respons serta sungutan orang ramai dan para pengguna mengenai isu-isu yang telah dihadapi terutamanya mengenai pembayaran yang lambat dan tidak menepati masa yang ditetapkan.

**>> Muka 9**

# Utamakan akhirat, jalani cara hidup kekeluargaan dengan didikan agama

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Mei. - Setiap keluarga menginginkan keluarganya hebat, keluarga yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Untuk menjadikan keluarga yang hebat, hendaklah mengamalkan cara hidup yang mengutamakan keakhiratan, iaitu menjalani cara hidup kekeluargaan dengan didikan agama.

Perkara tersebut disampaikan oleh Guru Islamic Religious Knowledge di Sekolah Menengah Rimba II, Awang Omardi bin Haji Abu Bakar dari Masjid Perpindahan Lambak Kanan dalam tazkirah pada Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) untuk Kali Ke-134.

Menurutnya, dengan didikan agama inilah juga adalah menjadi asbab keluarga menjadi berkat.

Antara ciri keluarga hebat itu katanya, adalah menjadikan syariat Islam sebagai pedoman hidup; mewujudkan keharmonian keluarga dengan komunikasi yang baik; membahagiakan keluarga melalui suasana tenang, perasaan kasih sayang, belas kasihan (Sakinah, Mawaddah, Warahmah); dan mencintai keluarganya dengan sifat penyayang dan sentiasa melindunginya.

**>> Muka 3**

# Mempertingkat, kukuhkan kualiti penjagaan pesakit, sistem kesihatan

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Mei. - Bidang kejururawatan dan bidan adalah tulang belakang kepada penjagaan kesihatan yang telah banyak berkembang, daripada memberi perkhidmatan *bedside nursing care* kepada jenis tugas-tugas yang lebih kepada *highly technical and advanced*. Bidang ini juga adalah satu profesion yang sangat mulia yang perlu kita lindungi, hormati dan hargai.

**>> Muka 4**

# Berita Utama



**13 pegawai haji berlepas ke Arab Saudi**

**Muka 3**



**MAJLIS Bertahlil sempena Penubuhan Jabatan Penerangan**

**Muka 5**



**9 rumah terlibat dalam kebakaran**

**Muka 17**



RENCANA

**HARGAI penat lelah jururawat, bidan**

**Muka 20**

PELITA BRUNEI

# Berkenan menerima mengadap

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah yang akan menamatkan perkhidmatan (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah yang akan menamatkan perkhidmatan, hari ini.

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 11 Oktober 2021. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

## WAKTU SEMBAHYANG

| Mei MASIHI | HARI | Zulkaedah HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | ISNIN | 4 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 07 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 39 | 6 . 27 | 7 . 40 |
| 14 | SELASA | 5 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 39 | 6 . 27 | 7 . 40 |
| 15 | RABU | 6 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 39 | 6 . 27 | 7 . 40 |
| 16 | KHAMIS | 7 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 40 | 6 . 27 | 7 . 41 |
| 17 | JUMAAT | 8 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 40 | 6 . 27 | 7 . 41 |
| 18 | SABTU | 9 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 40 | 6 . 27 | 7 . 41 |
| 19 | AHAD | 10 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 40 | 6 . 27 | 7 . 41 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 33 25 °C | 34 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 33 25 °C | 34 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 33 25 °C | 34 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 33 25 °C | 34 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

13 MEI 2024

# Kelestarian alam sekitar kunci kesejahteraan hidup manusia

KITA sebagai makhluk Allah Subhanahu Wata'ala yang diberikan akal mempunyai peranan yang sangat penting dalam sama-sama menjaga persekitaran serta mengekalkan kehijauan bumi. Keselesaan hidup manusia bergantung kepada tahap kualiti alam sekitar di sekeliling mereka.

Oleh yang demikian, penjagaan alam sekitar perlu diberi penekanan yang lebih agar kehidupan harian manusia tidak terganggu atau terjejas atas sebab pencemaran dan kerosakan alam sekitar.

Alam sekitar merupakan salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia malah ia berhubung kait dengan semua makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Tuntutan menjaga alam ini juga boleh dilihat melalui larangan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas sekalian manusia daripada melakukan kerosakan ke atas muka bumi, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Qasas, ayat 77 tafsirnya : *"Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan".*

Oleh kerana itu, Islam menegaskan kepentingan memelihara dan memulihara alam ini ke atas setiap manusia demi memastikan kelestarian hidup di alam ini. Sebarang bentuk pencemaran dan kerosakan ke atasnya dikira sebagai perbuatan dosa dan maksiat.

Pencemaran alam sekitar boleh mengakibatkan kemudaratan kepada kehidupan makhluk Allah Subhanahu Wata'ala seperti berlakunya bencana alam, tanah runtuh, banjir dan sebagainya.

Semua makhluknya tidak kira manusia, binatang ataupun tumbuh-tumbuhan semuanya bergantung kepada sumber-sumber semula jadi di muka bumi.

Walau bagaimanapun, akibat terlalu bergantung kepada bahan-bahan plastik, ia memberikan kesan negatif terhadap alam sekitar, sosial, ekonomi dan kesihatan di seluruh dunia.

Oleh itu, kita sebagai manusia perlu berganding bahu melestarikan alam sekitar demi keselesaan hidup sekalian makhluk di dunia ini dengan tidak melakukan kerosakan, pencemaran alam sekitar.

Alam sekitar dan ekosistemnya sangat penting dan memberi kesan yang ketara dalam keharmonian dan kesejahteraan hidup. Ia juga tidak secara langsung turut berperanan dalam menjana kemajuan sesebuah negara.

Jadilah manusia yang bertanggungjawab dalam memastikan alam sekitar sekeliling kita sentiasa terjaga dan terpelihara. **- Ketua Penyuntingan (Kr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Utamakan akhirat, jalani cara hidup kekeluargaan dengan didikan agama



TURUT menyertai Malam Munajat tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Malam Munajat pada minggu ini mengundang tetamu khas iaitu Pengarah Badan Agama, Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Awang Haji Rusli bin Haji Mohd Salleh, yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Turut menyertai Malam Munajat ini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga mengimarahkan acara ini ialah Ahli-ahli PGGMB; tenaga pengajar dan siswa Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta jemaah masjid yang hadir secara fizikal mahupun secara maya dari 64 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Juga menyemarakkan acara Munajat ialah warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Waqi'ah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, ITQSHHB, Awang Mohammad Aizat bin Haji Ahmad.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Penolong Pensyarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak, dari Masjid Perpindahan Lambak Kanan dan disusuli dengan penyampaian tazkirah.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai oleh para siswa Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat ITQSHHB.

Bagi mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Adee Aiman bin Haji Muhiddin dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengamiinkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu* atau *https://www.facebook.com/pdi.kheu*.

# 13 PEGAWAI HAJI BERLEPAS KE ARAB SAUDI





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas dan kiri).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS,** Sabtu, 11 Mei. - Seramai 13 pegawai dalam rombongan awal (*advance party*) Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran dan Perubatan) bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang terdiri daripada lima pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran) dan lapan pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) telah bertolak ke Arab Saudi dengan menaiki pesawat BI097 pada jam 7.10 malam tadi.

Rombongan yang diketuai oleh Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad, selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi ke Arab Saudi adalah bagi membuat persiapan awal pengurusan hal ehwal haji dengan pihak-pihak berkepentingan di Arab Saudi sebelum ketibaan para bakal jemaah haji NBD di sana.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir bagi mengucapkan selamat belayar ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Kesihatan serta Pemangku-pemangku Timbalan Setiausaha Tetap dari KHEU dan Kementerian Kesihatan.

Jemaah haji NBD pada Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi dijadualkan akan bertolak dari NBD pada 14, 15, 16 dan 17 Zulkaedah 1445 Hijrah bersamaan 23, 24, 25, dan 26 Mei 2024 Masihi.

# MEMPERTINGKAT, KUKUHKAN KUALITI PENJAGAAN PESAKIT, SISTEM KESIHATAN

>> Muka 1

Jururawat adalah kunci kepada komuniti yang lebih sihat, masyarakat yang responsif dan ekonomi yang berkembang maju. Namun demikian, penggubal dasar, pentadbir penjagaan kesihatan, dan juga orang awam sering tidak menyedari mengenai pulangan pelaburan (*return of investment*) yang boleh dicapai dengan pembiayaan yang mencukupi ke dalam Sektor Kejururawatan dan Bidan.

Kini tiba masanya untuk pembuat dasar dan pembuat keputusan untuk mengambil langkah tegas untuk membina dan mengoptimumkan tenaga kerja kejururawatan yang berkekalan, kuat dan mampan.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2024 dengan tema, 'Jururawat Kami. Masa Depan Kita. Kuasa Ekonomi Penjagan Kesihatan' (Our Nurses. Our Future. The Economic Power of Care).

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan setiap tahun, Hari Jururawat Antarabangsa atau International Nurses Day (IND) disambut pada 12 Mei dan Hari Bidan Antarabangsa atau International Day of Midwife (IDM) disambut pada 5 Mei.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), ujar Yang Berhormat, Hari Jururawat Antarabangsa dan Hari Bidan Antarabangsa ini digabungkan dan diraikan serentak pada setiap 12 Mei dan ia dinamakan sebagai Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (INMD).

Tema Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa pada tahun ini disediakan oleh International Council of Nurses (ICN) dan dipilih bagi menekankan tentang pelaburan dalam Sektor Kejururawatan yang mampu mempengaruhi dan membawa manfaat kepada ekonomi dan masyarakat secara amnya.

Menurut Yang Berhormat terdapat beberapa tindakan dasar telah disarankan oleh Piagam ICN untuk Perubahan (The International Council of Nurses' Charter for Change) bagi menjadikan jururawat dan bidan dilindungi dan dihargai.




**TEMA Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa pada tahun ini menekankan tentang pelaburan dalam Sektor Kejururawatan yang mampu mempengaruhi dan membawa manfaat kepada ekonomi dan masyarakat secara amnya.**

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan**

Antaranya ialah lindungi dan melabur dalam profesion kejururawatan untuk membina semula sistem kesihatan yang boleh mencapai matlamat pembangunan mampan dan liputan kesihatan sejagat untuk meningkatkan kesihatan global; segera menangani dan meningkatkan sokongan untuk kesihatan dan kesejahteraan jururawat dengan memastikan keadaan kerja yang selamat dan sihat serta menghormati hak mereka; membangunkan, melaksanakan dan membiayai rancangan tenaga kerja kejururawatan dengan mengambil kira objektif pembekalan bakal jururawat yang mencukupi.

Selain itu, tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, melabur dalam program pendidikan kejururawatan yang berkualiti tinggi dan bertauliah untuk menyediakan lebih ramai jururawat baharu dan memajukan pembangunan kerjaya sedia ada jururawat; membolehkan jururawat bekerja dengan sepenuhnya mengikut skop amalan kejururawatan dengan cara mengukuhkan dan memodenkan peraturan serta melabur dalam *advanced nursing practice* dan model penjagaan yang diterajui jururawat (*nurse-led model of care*).

Seterusnya, mengiktiraf dan menghargai kemahiran, pengetahuan, sifat dan kepakaran jururawat dan melibatkan persatuan kejururawatan kebangsaan secara aktif sebagai rakan kongsi profesional dan penyampai suara kejururawatan yang berpengalaman dan dipercayai dalam semua aspek dasar penjagaan kesihatan, sosial dan kepimpinan.

"Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan lagi perkhidmatan kejururawatan di negara ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan kualiti penjagaan pesakit menerusi penekanan International Patient Safety Goals (IPSG) sebagai Key Performance Indicator (KPI) dalam penilaian penjagaan kejururawatan," jelas Yang Berhormat.

Ini ujar Yang Berhormat adalah kesinambungan daripada inisiatif yang telah diungkayakhan pada tahun lepas iaitu penyediaan sistem pemantauan klinikal jururawat yang lebih komprehensif dengan menekankan Patient Safety di setiap pelaksanaan penjagaan dan perawatan kepada pesakit selaras dengan dasar-dasar yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Seluruh warga kejururawatan tambah Yang Berhormat telah pun dilibatkan sama di dalam pembinaan dasar International Patient Safety Goals (IPSG) supaya ia dapat mendukung matlamat tersebut dan seterusnya diserapkan kepada semua lapisan jururawat dan bidan di negara ini.

"Akhirnya Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa pada tahun ini adalah masa yang sesuai untuk kita membuat perubahan dan membentuk semula persepsi orang ramai mengenai sumbangan jururawat dan bidan dalam penjagaan kesihatan ke arah kejayaan ekonomi dan masyarakat secara keseluruhan," ujar Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyeru kepada semua jururawat dan bidan di negara ini untuk sentiasa bersabar, memberikan layanan yang sempurna dan mengekalkan dedikasi yang tinggi dalam menjalankan tugas seharian.

"Kementerian Kesihatan percaya jururawat dan bidan yang bertanggungjawab dan prihatin mampu menjadikan sistem kesihatan di negara ini mampan dan berkualiti tinggi yang seterusnya dapat memacu kepada perkembangan ekonomi dan masyarakat sesuai dengan tema sambutan, 'Our Nurses. Our Future. The Economic Power of Care'," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengakhiri perutusannya.



# Acara keagamaan sempena Hari Jururawat, Bidan Antarabangsa



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Solat Hajat dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (kanan dan atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.





Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Mei. - Kementerian Kesihatan petang tadi mengadakan Majlis Solat Hajat dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Surau Nuurul 'Inayah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan Solat Hajat dan bacaan Tahlil, diikuti dengan Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan oleh Ketua Guru Ugama, Unit Perkhidmatan Ugama Hospital RIPAS, Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma dari Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan kepada bakal jemaah haji dari Perkhidmatan Kejururawatan bagi Tahun 1445H / 2024M seramai 13 penerima.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

# MAJLIS BERTAHLIL SEMPENA PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Mei. - Jabatan Penerangan dalam menyemarakkan bersempena Sambutan Memperingati Penubuhannya Ke-72 Tahun dengan mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, petang tadi.

Majlis keagamaan berkenaan khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM serta para Pengamal dan Pegawai Perhubungan Awam daripada kementerian-kementerian dan para pegawai, kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis pada petang itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba, Awang Mohamad Adham bin Hashim.

Jabatan Penerangan dalam usahanya membudayakan masyarakat bermaklumat sejak ditubuhkan pada 1 April 1952 dan kini mencapai usia 72 tahun, jabatan berkenaan masih kekal relevan melaksanakan peranannya dalam membarigakan inisiatif-inisiatif semasa.

Dalam jangka masa itu, Jabatan Penerangan secara berterusan melaksanakan strategi kerjanya melalui liputan-liputan berita, program-program, bahan-bahan terbitan dan perkhidmatan-perkhidmatan media yang disediakan selaras dengan peredaran zaman.

Jabatan Penerangan terus memainkan peranan pentingnya iaitu khususnya dalam membarigakan maklumat, dasar, program dan aktiviti kerajaan yang sahih dan sebagai platform perantaraan di antara rakyat-kerajaan-rakyat.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-72 Tahun.

# KETUA KAMPUNG PERLU GALAS TANGGUNGJAWAB DIAMANAHKAN






**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Subok semasa hadir pada majlis berkenaan (kanan). Sementara gambar atas, sekitar Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 2, Kampung Sungai Akar.**

**Berita dan Foto : Aimi Sani**

**SUNGAI AKAR**, Ahad, 12 Mei. - Seorang ketua kampung berperanan selaku perantara dua hala di antara pihak kerajaan serta penduduk kampungnya bagi menjaga dan mengawasi kepentingan dan keselamatan kampung di bawah penjagaannya.

Di samping itu, seorang ketua kampung juga harus bertanggungjawab mewujudkan, memelihara dan mengekalkan persefahaman, perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat serta menggalakkan semangat *bermucang-mucang* dan bergotong-royong supaya ia tidak luput dimakan zaman.

Seorang ketua kampung itu juga perlu berperanan mengadakan perundingan, permuzakarahan dan permuafakatan dengan majlis perundingan kampung serta bersama anak buah kampung mengenai apa jua perkara berkebijakan khususnya untuk pembangunan, kesentosaan, kesejahteraan kampung, keselamatan dan keamanan kampung dan negara umumnya.

Perkara itu dinyatakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim ketika berucap pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 2, Kampung Sungai Akar yang diadakan di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, di sini.

Merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual baginda ke Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 4 November 2023, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak dalam ucapannya juga turut mengingatkan bahawa ketua-ketua kampung termasuk penghulu-penghulu mukim perlu mengambil tahu akan hal ehwal permasalahan dan menjalankan tugas untuk kebajikan anak buah kampung dengan menyumbang khidmat kepada yang memerlukan.

Ini kerana jawatan ketua kampung serta penghulu mukim ialah menjadi *indung* kepada rakyat dan penduduk setiap kampung mahupun mukim, bersedia untuk menggalas tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam menjaga dan menunaikan amanah atau melaksanakan tugas dan tanggungjawab harian khususnya memeduli atau *mengalinga* kepentingan serta keperluan anak buah dan masyarakat mukim serta kampung.

"Di antara ketua kampung dan anak buah masing-masing sekali gus menyumbang kepada suasana mukim dan kampung yang lebih harmoni dan sejahtera seperti yang diharapkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Justeru, *abiskita* sebagai penduduk kampung haruslah menggunakan peluang mengundi dan memilih calon ketua kampung sebaik-baiknya dengan penuh ketelitian serta kebijaksanaan kerana pilihan yang dibuat menentukan masa depan pemedulian kampung seperti yang *abiskita* harapkan," ujar beliau lagi.

Pada majlis itu menyaksikan calon tunggal yang layak bagi mengisikan kekosongan jawatan Ketua Kampung Sungai Akar, Kawasan 2, Mukim Berakas 'B' ialah Haji Muhammad Wafil Wafee bin Haji Ramli, berumur 32 tahun (berusia 30 tahun semasa iklan jawatan dibukakan).

Beliau bermastautin di kampung tersebut sejak tahun 1992 dan mempunyai kelulusan Bachelor of Science in Geology, United Kingdom tahun 2014. Pada ketika ini beliau berkhidmat sebagai penyelia di Syarikat Oriente Sendirian Berhad.

Daripada seorang yang berdaftar dan layak mengundi bagi calon jawatan Ketua Kampung Sungai Akar, Kawasan 2, Mukim Berakas 'B', seramai 101 orang bersetuju (97 daripada kertas undi dan empat secara *online*), terdapat satu undi rosak dan tidak ada undi tidak bersetuju dilaporkan.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung yang diperoleh hari ini akan dihadapkan untuk disokong dan dipertimbangkan bagi menyandang jawatan berkenaan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk proses-proses seterusnya.

Terdahulu di sebelah awal pagi tadi diadakan pengundian secara kaedah kertas undi dilaksanakan bermula dari pukul 8.00 hingga 11.00 pagi, dan pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Ahad, 12 Mei 2024 dan ditutup hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang juga selaku Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh.

# Majlis Pengundian, Pemilihan Ketua Kampung Kiarong Kawasan I



**SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kiarong Kawasan I, Mukim Gadong 'B' yang diadakan di Sekolah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar (kiri dan kanan).**




**Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Mei. - Penduduk-penduduk Kampung Kiarong Kawasan I, Mukim Gadong 'B' keluar mengundi hari ini bagi memilih calon yang akan menanai tanggungjawab sebagai Ketua Kampung Kiarong Kawasan I, Mukim Gadong 'B' yang baharu nanti. Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon tersebut diadakan di Sekolah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, di sini.

Calon tunggal bagi mengisi jawatan tersebut ialah Awang Mohammad Shair bin Samsudin, berumur 34 tahun (32 tahun semasa iklan jawatan dibukakan). Awang Mohammad Shair pada ketika ini merupakan Pemangku Ketua Kampung Kiarong Kawasan I, Mukim Gadong 'B'.

Majlis Pengundian dan Pemilihan tersebut telah menyaksikan Awang Mohammad Shair meraih sebanyak 89 undian bersetuju dan empat undian tidak setuju, sementara tidak ada undian rosak.

Hasil keputusan keseluruhan pengundian yang diperoleh hari ini akan dibawa ke Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk proses-proses selanjutnya.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong yang juga selaku Ketua Kampung Lumapas 'B', Mukim Lumapas.

# PENDUDUK KAMPUNG MERANGKING PILIH KETUA KAMPUNG BAHARU






**PEMANGKU Pegawai Daerah Belait dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait yang diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Merangking (kiri). Manakala gambar atas, pengundian secara kaedah kertas undi dan pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Jumaat, 10 Mei 2024.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait**

**BELAIT**, Ahad, 12 Mei. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait telah diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Merangking, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman juga selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann; Mohammad Haazeq bin Arsad wakil dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pemangku Penolong Pegawai Daerah Belait serta Pemangku Ketua Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait.

Sebelum majlis dimulakan, terlebih dahulu diadakan pengundian secara kaedah kertas undi dan pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Jumaat, 10 Mei 2024.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Akop bin Haji Lamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Calon tunggal yang layak bagi jawatan Ketua Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat ialah Awang Nurulizam bin Haji Abdul Rahman, berusia 36 tahun. Beliau berkelulusan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' Level) dan pada masa ini berkhidmat sebagai Pemandu di Jabatan Daerah Belait, KHEDN.

Seramai 121 penduduk kampung telah mengundi calon untuk mengisikan jawatan Ketua Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat menggunakan kertas undi (*ballot paper*). Daripada jumlah tersebut, seramai 118 orang bersetuju dan tiga orang tidak bersetuju.

Keputusan-keputusan pengundian yang diperoleh akan dibawa dan digunakan dalam menyediakan sokongan yang mana seterusnya dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses yang selanjutnya.

Majlis Pengundian seterusnya akan diadakan pada Ahad, 19 Mei 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait. Ini adalah bagi Pencalonan Jawatan Ketua Kampung Pandan 'D', Mukim Kuala Belait.

# Lebih 800kg sampah berjaya dikutip

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Mei. - Aktiviti Kempen Kebersihan di sebahagian jalan raya dan kawasan kampung di Mukim Lumapas dan Mukim Sungai Kebun berjaya mengutip lebih 800 kilogram sampah-sarap, hari ini.

Kempen yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan dengan kerjasama Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet telah disertai kira-kira 300 warga Kementerian Pendidikan serta 100 penduduk mukim dan kampung berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya melancarkan dan menyertai kempen berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin. Kempen juga disertai oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih dari Sekolah Menengah Awang Semaun, Awang Yusri bin Sulaiman, diikuti dengan penerangan ringkas keselamatan yang disampaikan oleh Awang Haji Hanafiah bin Haji Minudin dari Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.

Usaha pembersihan tertumpu kepada beberapa jalan raya yang dibahagikan kepada lapan zon iaitu di Mukim Lumapas meliputi Kampung Sungai Asam, Kampung Lumapas 'A', Kampung Lupak Luas dan kawasan masuk ke pondok Taman Rekreasi Bukit Saeh.

Di Mukim Sungai Kebun, kawasan-kawasan yang terlibat adalah Kampung Sungai Kebun, Kampung Setia 'A', Kampung Setia 'B' dan Kampung Sungai Siamas.

Kempen Kebersihan tersebut merupakan usaha Kementerian Pendidikan dalam menyokong inisiatif Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIIK) dalam memastikan persekitaran Negara Brunei Darussalam adalah bersih dan bebas daripada sebarang pencemaran di samping memberi kesedaran kepada penduduk kampung dan orang awam tentang pentingnya kebersihan kawasan persekitaran.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat) Kementerian Pendidikan; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara; Penghulu Mukim Sungai Kebun; ketua-ketua kampung; pegawai-pegawai dari Urus Setia JIIK; pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan serta penduduk-penduduk mukim dan kampung yang terlibat.




**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat menyertai kempen berkenaan. Kempen juga disertai oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan.**



**ANTARA yang menyertai Kempen Kebersihan tersebut (kiri dan kanan).**



# SM SAYYIDINA HUSAIN RAIKAN ULANG TAHUN PENUBUHAN





**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Jubli Mutiara bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Sekolah Menengah Sayyidina Husain (kiri, atas dan bawah).**



**Oleh : Ihsan Siti Ummi Hani Haji Mat Johari, Abdul Aziz Pandin**
**Foto : Ihsan Abdul Aziz Pandin**

**JERUDONG**, Sabtu, 11 Mei. - Sekolah Menengah Sayyidina Husain telah mengadakan Majlis Sambutan Jubli Mutiara bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Sekolah tersebut Ke-30 yang berlangsung di kawasan perkumpulan pagi sekolah tersebut, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, jemputan-jemputan khas terdiri daripada Pemangku Ketua Kampung Tanjong Nangka, Awang Haji Hamdan bin Ajak; Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang; mantan-mantan pengetua, guru-guru, kakitangan dan pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan dan Lagu Sekolah diikuti dengan bacaan Doa Sekolah oleh wakil pelajar Tahun 9 Efisien, Mohd. Aizat Asmawi bin Mohd. Asri. Seterusnya perasmian sempena 30 Tahun Penubuhan Sekolah Menengah Sayyidina Husain oleh tetamu kehormat dan sesi bergambar ramai.

Acara dilanjutkan dengan sesi pemanasan badan, diikuti dengan acara pelepasan Walkaton dimulakan. Walkaton Jubli Mutiara sejauh 2.9 kilometer ini telah disertai oleh lebih kurang 700 peserta terdiri daripada tetamu kehormat, jemputan-jemputan khas, guru-guru dan pelajar-pelajar.

Sejurus acara Walkaton selesai, tetamu kehormat berserta jemputan khas melawat ke bilik-bilik khas seperti Bilik Lukisan, Bilik Kerjaya, Bilik PraVoc dan Dapur F&N. Seterusnya, para jemputan beredar ke dewan serbaguna untuk menyaksikan tayangan video dan pameran sempena 30 Tahun Penubuhan Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Acara ini juga dimeriahkan lagi dengan gerai jualan makanan yang terdiri daripada vendor luar antaranya Pyorr Truck, Lok-Lok Jerudong, Syarikat De'fah & anak-anak, *photobooth*, *face painting* dan *henna*.

# Mangsa kebakaran rumah terima sumbangan derma



**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 11 Mei. - Berikutan dengan kebakaran yang melibatkan sembilan buah rumah yang berlaku awal pagi tadi di Kampung Setia 'B', seramai sembilan ketua keluarga petang tadi menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Bantuan Derma Kilat bagi mangsa kebakaran, bertempat di Surau Darul Sumur, Kampung Setia 'B', di sini.

Hadir bagi menyampaikan sumbangan derma bantuan berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Penyampaian sumbangan derma berkenaan diserahkan kepada ketua-ketua keluarga, iaitu Dayang Hajah Jijah binti Haji Ibrahim, Dayang Hajah Besar binti Omar / Umar, Dayang Osnah binti Haji Saidin, Awang Haji Mohammad bin Haji Saidin, Dayang Hajah Zamzam binti Tuba, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Saidin, Awang Daud bin Haji Omar, Awang Hamzah bin Haji Omar dan Awang Haji Tahir bin Haji Hussin.

Kejadian kebakaran rumah telah berlaku pada kira-kira jam 6.30 pagi bertempat di Kampung Setia 'B'.

Sumbangan dana adalah dari Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir bagi menyampaikan sumbangan derma bantuan berkenaan (kiri dan bawah kanan). Manakala gambar bawah kiri, kebakaran melibatkan sembilan buah rumah yang berlaku di Kampung Setia 'B'.**





# Imagine umum 10 pemenang bertuah






**MAJLIS Penyampaian Hadiah tersebut berlangsung di Bilik Pameran AutoHaus Jati Transport, Beribi (kanan), manakala gambar atas, penerima hadiah utama membawa pulang hadiah sebuah kereta Mercedes-Benz CLA 200 AMG. Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERIBI**, Ahad, 12 Mei. - Dayang Chan Ai Luan terpilih menjadi pemenang bertuah apabila namanya diumumkan sebagai penerima hadiah utama yang membawa pulang hadiah sebuah kereta Mercedes-Benz CLA 200 AMG pada Kempen Hadiah Utama sempena Sambutan Ulang Tahun Imagine (B) Sdn. Bhd. Ke-4.

Pemenang bertuah hadiah kedua pula membawa pulang wang tunai berjumlah BND5,000 dan dimenangi oleh Dayang Hani Rasyiqah binti Rilly manakala hadiah tempat ketiga diraih oleh Dayang Maimunah binti Timbang yang memenangi dua tiket percutian ke Korea selama lima hari empat malam berserta tempat tinggal.

Sementara itu, enam lagi pemenang bertuah lainnya masing-masing juga membawa hadiah berupa iPhone 15 Pro, televisyen, Bauncar Imagine, Pakej Pemeriksaan Kesihatan JPMC, komputer riba dan tablet.

Majlis Penyampaian Hadiah tersebut berlangsung di Bilik Pameran AutoHaus Jati Transport, Beribi dan disempurnakan oleh Pengarah di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Allen On yang juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah Imagine Sdn. Bhd. Turut menyampaikan hadiah pada majlis tersebut ialah Penolong Pengurus Jualan Jati Transport Sdn. Bhd., Ivan Chia.

Kempen sempena Ulang Tahun Imagine Ke-4 itu berjalan dari 9 Februari 2024 dan berakhir pada 9 Mei 2024 lalu di mana 10 finalis bertuah telah dipilih daripada sejumlah 61,436 pelanggan yang layak dipilih melalui siaran langsung daripada laman media sosial Instagram Imagine pada 10 Mei 2024.

Cabutan hadiah utama ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada para pelanggan Imagine atas sumbangan berterusan mereka yang sangat bernilai dan dihargai oleh pihak Imagine.

Tahun ini menandakan satu peristiwa penting dan istimewa bagi Imagine apabila mereka menceburi dalam sektor runcit, iaitu satu langkah utama dalam inovasi berterusan dan pertumbuhannya.

Enam bulan yang lalu telah menyaksikan perkembangan yang ketara untuk Imagine. Mereka telah menubuhkan pusat bebas cukai (*duty free centre*) di balai berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, bersama dua pusat perkhidmatan baharu di Manggis dan Tanjong Bunut. Inisiatif ini menunjukkan komitmen Imagine untuk menyediakan kebolehcapaian produk dan perkhidmatan yang lebih besar untuk pelanggan mereka.

Di luar usaha runcit pula, Imagine baru-baru ini berjaya menganjurkan Imagine Football Fiesta. Acara ini bukan sahaja menyatukan peminat bola sepak dan masyarakat Brunei Darussalam tetapi juga membuka pintu untuk kerjasama dengan rakan perniagaan baharu seperti SISTIC dan Oceanus Media Group dari Singapura.

Dengan Ulang Tahun ke-5 mereka pada tahun depan, Imagine mengalu-alukan orang ramai untuk mengikuti laman Instagram mereka, *@imaginebn*, untuk mendapatkan informasi terkini, tawaran dan pelbagai promosi yang menarik.






# MOFE PERKENALKAN SISTEM TAFIS 2.0

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**>> Muka 1**

Dalam hal ini, MOFE memohon maaf atas apa juga kesulitan yang telah dihadapi dan komited untuk menyelesaikan apa juga isu-isu yang berbangkit, termasuk memastikan pembayaran dibuat dengan lancar dan tepat kepada para penerima dan pembekal.

Untuk makluman, MOFE melalui Jabatan Perbendaharaan telah mengambil langkah-langkah serta merta bagi menangani isu-isu dan cabaran-cabaran yang timbul dalam penggunaan TAFIS 2.0 ini.

Antara langkah yang telah diambil adalah seperti meningkatkan usaha secara intensif dalam memberikan latihan secara berjadual kepada para pengguna di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, yang telah pun dimulakan sebelum sistem ini dilancarkan.

Selain itu, mengadakan sesi kursus intensif bagi modul Purchase Order (PO) dan pembayaran untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang mempunyai keperluan untuk membuat pembayaran.

Sementara mana-mana kementerian yang memerlukan latihan lanjut bagi sesi ini telah pun dinasihatkan untuk menghubungi Jabatan Perbendaharaan untuk mengatur latihan selanjutnya.

Manakala bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang memerlukan bantuan secara *hands on* dalam menggunakan TAFIS 2.0 ini, User Clinic juga telah pun disediakan di MOFE dan mereka akan sentiasa dibantu serta diberikan tunjuk ajar dalam menggunakan sistem baharu berkenaan secara keseluruhannya.

Sebagai langkah untuk mempercepatkan pembayaran terutama bagi tuntutan-tuntutan yang telah dihadapkan pada Tahun Kewangan sebelum ini, MOFE juga menyediakan ICU Payment Clinic bagi memproses tuntutan-tuntutan berkenaan.

Bagi para pembekal yang belum dapat dibuat pembayarannya disebabkan belum berdaftar di dalam Government Vendor Portal (GVP), para pembekal adalah nasihatkan untuk mendaftar dalam GVP terlebih dahulu.

Bagi mana-mana pembekal yang memerlukan bantuan dalam pendaftaran ke dalam GVP, Vendor Clinic juga telah disediakan di MOFE.

Sebagai usaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan pihak pembekal dalam penggunaan GVP, para pembekal yang telah berjaya mendaftar dalam GVP akan dijemput untuk menghadiri sesi pembarigaan lanjut seperti menyemak PO dan menghantar invois dalam masa terdekat.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh MOFE seperti di atas, MOFE dengan ini berharap para pengguna dan pembekal akan dapat melaksanakan perkara-perkara berikut, iaitu bagi semua pembekal yang belum lagi berdaftar atau belum berjaya didaftarkan di dalam GVP untuk menyemak e-mel masing-masing bagi memastikan tidak terdapat sebarang *query* semasa pendaftaran dibuat.

Selain itu, para pembekal yang memerlukan bantuan untuk mendaftar di dalam GVP bolehlah menghadiri Vendor Clinic yang disediakan di MOFE.

Bagi sebarang pertanyaan, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan serta para pembekal bolehlah menghubungi Unit Pusat Perkhidmatan Pelanggan (PPP) menerusi talian +673 2383444 atau melalui e-mel ke TAFIS 2.0 Helpdesk di *tafis.ppp@mofe.gov.bn*.

MOFE sekali lagi memohon maaf atas apa juga kesulitan yang telah dihadapi dan kerjasama, kefahaman dan sokongan pihak pengguna dan para pembekal kerajaan adalah sangat diharapkan.

# SMAS ANJUR HARI BUKU, HAK CIPTA SEDUNIA 2024

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Mei. - Hari Buku Sedunia diisytiharkan pada setiap 23 April setiap tahun oleh United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dengan matlamat bagi menggalakkan budaya membaca, penerbitan dan pemeliharaan hak cipta buku.

Sehubungan itu, Sekolah Menengah Awang Semaun (SMAS) hari ini mengadakan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2024 yang melibatkan pelajar-pelajar Tahun 9 bertempat di Perpustakaan sekolah tersebut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya melancarkan sambutan berkenaan ialah Ketua Bahagian Program dan Akademik, Jabatan Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Nisah binti Haji Gharif.

Terdahulu, Pengetua SMAS, Awang Haji Mohammad Fadhillah bin Haji Ismail dalam ucapan alu-aluannya berkata, objektif sambutan ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai wujudnya Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang diiktiraf oleh badan antarabangsa dan memberi peluang kepada pelajar sekolah untuk menyertai aktiviti-aktiviti pembudayaan ilmu yang dijalankan bagi meningkatkan nilai keintelektualan dalam kalangan mereka.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video klip UNESCO mengenai penciptaan buku dan video khas sempena Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia SMAS.

Majlis ini diadakan adalah untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar dan mengenali dan menghargai warisan kita. Juga diadakan pameran, jualan buku dan aktiviti di perpustakaan sekolah berkenaan.





SEKOLAH Menengah Awang Semaun (SMAS) semasa mengadakan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2024 di Perpustakaan sekolah tersebut (atas dan atas kanan).

# Peluang ikuti Kempen Derma Darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 11 Mei. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah yang akan diadakan pada Selasa, 14 Mei, bermula pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Kampung Pandan, Kuala Belait.

Sementara pada Rabu, 15 Mei dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Tingkat 1, Standard Chartered Bank, Cawangan Bandar Seri Begawan.

Manakala pada Sabtu, 18 Mei bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Aras Bawah, Airport Mall anjuran Pizza Hut Brunei.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai juga adalah dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

# Peluang peroleh pengalaman pekerjaan, membangunkan kemahiran profesional



LIMA pelajar Sarjana Muda Sains Halal dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Kuching, Sarawak Malaysia baru-baru ini untuk memulakan Latihan Industri (LI) selama 10 minggu di Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 11 Mei. - Lima pelajar Sarjana Muda Sains Halal dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu Dayang Zulfah Syauqina binti Haji Muhamad, Awang Muhammad Ikram Mirza bin Haji Sufri, Awang Muhammad Faris bin Muntil, Dayang Nur Syafiqah binti Mohammad Asnawi dan Dayang Nur Fasiha Farahiyah binti Mohammad Hamdy telah berlepas ke Kuching, Sarawak Malaysia baru-baru ini untuk memulakan Latihan Industri (LI) selama 10 minggu di Universiti Teknologi MARA (UiTM),

LI merupakan usaha UNISSA untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pengalaman pekerjaan yang lebih luas dan membangunkan kemahiran profesional mereka antaranya seperti komunikasi, kesedaran diri, dan keyakinan.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar, Timbalan Pengarah PPHT, Dr. Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan; Ketua Program Prasiswazah serta Penyelaras At-Tamayyuz PPHT, Dr. Siti Nur Idayu binti Haji Matusin; Pensyarah PPHT, Profesor Madya Dr. Moohamad Ropaning Sulong, serta Penolong Pensyarah PPHT, Raihana binti Mohd Raffi.

Pihak PPHT sangat berbangga dengan pencapaian kelima-lima pelajar berkenaan dan berharap pengalaman mereka di UiTM boleh dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk menjadikan diri mereka sebagai individu yang berkualiti, berwibawa dan bertaraf antarabangsa.



# سروان سوچي

# کلوارݢکو هارڤنکو

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له کيت کحضرة الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠکتکن کإيمانن کڤدڽ. سسوڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن کيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠي الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ، براوله کچياٴن دان کسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسبواه کلوارݢ اداله ساڠت ڤنتيڠ دالم ڤروسيس ڤمبنتوقن مشارکت دان ستروسڽ نݢارا. تنڤا إنستيتوسي کلوارݢ، کوجودن نݢارا تيدق اکن سمڤورنا. إسلام مماندڠ کلوارݢ سباݢاي سبواه إنستيتوسي ڤنچورق مشارکت يڠ باݢل دبينا. اݢام إسلام جوݢ مڠاتور أسڤيک کهيدوڤن مأنسي دان مندوروڠ مأنسي اونتوق منجالين هوبوڠن بايک دڠن سسام مأنسي، ترماسوق اوسها اونتوق منونجوقکن کاسيه سايڠ دالم کلوارݢ.

کلوارݢ يڠ ترجالين دڠن کاسيه سايڠ اکن موجودکن کلوارݢ يڠ هرموني. جک سوامي إستري بوليه ممهمي انتارا ساتو سام لاين، مريک اکن کليهاتن ممڤوڽاٴي هوبوڠن يڠ ساڠت بايک دڠن ڤاسڠن مريک. ڤرمان الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الروم أية ٢١:

**تفسيرڽ:**

**دان انتارا تندا-تندا ککواساٴنڽ بهاوا دي منچيڤتاکن باݢي کامو إستري-إستري درڤد جنيس کامو سنديري سوڤاي کامو چندروڠ دان مراسا سنڠ کڤدڽ دان دجاديکنڽ انتارا کامو (سوامي إستري) ڤراساٴن کاسيه سايڠ دان رحمة (بلس کاسيهن). سسوڠݢوهڽ ڤد يڠ دمکين ايت بنر-بنر ترداڤت تندا-تندا (ککواساٴن الله) باݢي قوم يڠ (ماهو) برفيکير.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

دالم إسلام تڠݢوڠجواب کڤيمڤينن کلوارݢ ڤد اساسڽ ترلتق ڤد قوم للاکي. والاو باݢايماناڤون دالم ممستيکن کچاياٴن دان کهرمونيان إنستيتوسي اين، کدوا-دوا بله ڤيهق يايت إيبو دان باڤ سهاروسڽ ممايݢکن ڤرانن يڠ سام ڤنتيڠ.

سباݢاي سوامي ڤرانن اساس اياله ميڽدياکن کڤرلوان سڤرتي ماکنن، تمڤت تيڠݢل دان ڤاکاين. بوکن ايت سهاج، سباݢاي ساورڠ أيه، بلياو جوݢ برتڠݢوڠجواب اونتوق ممبري ڤنديديقن أکاديميک اونتوق ڤرکمبڠن ميندا دان ڤنديديقن أݢام اونتوق کسجهتراٴن روحاني دان ڤيزيکل.

باݢي إيبو ڤول تڠݢوڠجواب اوتاماڽ اياله ممستيکن کلنچاران دالم سيستم رومه تڠݢ يڠ دسولامي ڤراساٴن کاسيه سايڠ دان حرمت مڠحرمتي. کدودوقن دان کمولياٴن سباݢاي ساورڠ إيبو اينله منجادي فکتور اساس دالم ملاهيرکن کلوارݢ يڠ بهاݢيا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

اڤاکه يڠ دکاتاکن کلوارݢ بهاݢيا؟ کلوارݢ بهاݢيا اياله کلوارݢ يڠ دبينا براسسکن کتقواٴن کڤد الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ دان ممڤراوليه رحمتڽ ددنيا دان دأخيرة. کلوارݢ بهاݢيا جوݢ اداله کلوارݢ يڠ صيحت، هيدوڤ دالم سواسان ݢمبيرا، برسيکڤ ساليڠ سايڠ-مڽايڠي، حرمت مڠحرمتي دان ترڤليهارا دري سݢالا ڤرکارا نيݢاتيف دالم اسڤيک کهيدوڤن. ڤمبنتوقن کلوارݢ يڠ بهاݢيا سبنرڽ ممرلوکن ڤڽرتاٴن دان کرجاسام سموا أهل رومه.

صفة حرمت-مڠحرمتي اداله ساله ساتو صفة ترڤوجي ددالم إسلام، انتارا چونتوه صفة ساليڠ حرمت-مڠحرمتي يڠ بوليه دتراڤکن دالم سبواه إنستيتوسي کلوارݢ ايت اياله ممبري لاٴينن مسرا دان سوڤن، ساليڠ بکرجاسام، ساليڠ مڠهرݢاٴي انتارا ساتو سام لاٴين دان مڠهرݢاٴي بودي سرتا جاس.

اوليه يڠ دمکين، سيکڤ حرمت-مڠحرمتي اين هندقله دسماٴي سجق دري کچيل لاݢي دڠن منديديق دان مڠاجر أنق-أنق سوڤاي سنتياس ممڤوڽاٴي سيکڤ ترسبوت، لبيه-لبيه لاݢي اونتوق مڠحرمتي دان بربوات بايک کڤد کدوا إيبو باڤ. ڤرکارا اين بوليه دلاکوکن کتيک أنق-أنق ايت ماسيه لاݢي برتاتيه يايت سماس مريک ماسيه کچيل. دڠن يڠ دمکين، سݢالا ڤرکارا يڠ دأجر کڤد أنق-أنق اکن موده دتراڤ دالم صنوباري مريک دان ستروسڽ منجادي ايکوتن دالم کهيدوڤن مريک سلاما-لاماڽ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ددالم القرآن، بايق دتمڤکن أية-أية مڠنأي أخلاق دان بودي ڤکرتي ترهادڤ کلوارݢ. ݢاريس بسرڽ تربهاݢي کڤد تيݢ ڤرکارا:

**ڤرتام:** هوبوڠن سوامي إستري

القرآن مڠݢاريسکن سوڤاي دوجودکن هوبوڠن يڠ هرموني انتارا سوامي إستري، سبب کمسراٴن هوبوڠن يڠ دمکين اکن منجادي سندي يڠ قوات دالم کهيدوڤن رومه تڠݢ. الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ ممرينتهکن کڤد ڤارا سوامي سباݢايمان أية ١٩ سورة النساء:

**تفسيرڽ:**

**دان برݢاول له کامو دڠن مريک (إستري-إستري کامو ايت) دڠن چارا يڠ بايک. جک کامو مراسا بنچي کڤد مريک (مک برصبرله) کران بوليه جادي کامو بنچيکن سسواتو ڤد حال الله منجاديکن ڤدڽ کباٴيکن يڠ بايق.**

**کدوا:** هوبوڠن إيبو باڤ دان أنق

أنق-أنق دواجبکن بربوات بايک ترهادڤ إيبو باڤڽ، مڠحرمتيڽ، مڽنتونيڽ، ممليهاراڽ جک مريک ددالم کأداٴن ميسکين، له اتاو توا، جاڠن سمڤاي مندرهکاٴي مريک سبب درهکا ايت ترماسوق ساله ساتو دوسا يڠ بسر. الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة لقمان أية ١٤:

**تفسيرڽ:**

**دان کامي ممرينتهکن مأنسي سوڤاي بربوات بايک کڤد إيبو باڤڽ، إيبوڽ تله مڠاندوڠکنڽ دڠن منڠݢوڠ کلمهن دمي کلمهن دان تيمڤوه مڠهنتيکن ڤڽوسوانڽ دالم دوا تاهون، (دڠن دمکين): "برشکورله کڤدکو دان کڤد إيبو باڤمو. کڤد اکو جواله تمڤت کمبالي".**

**کتيݢ:** هوبوڠن دڠن قوم قرابة

دڠن قوم کلوارݢ ڤون ڤرلو دبينا هوبوڠن يڠ أقرب بهکن جوݢ دڠن اورڠ-اورڠ ميسکين. الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ برفرمان ددالم سورة الإسراء أية ٢٦:

**تفسيرڽ:**

**دان بريکنله قوم قرابة حقڽ (کباٴيکن دان هوبوڠن صلة الرحيم) دان بݢيتو جوݢ اورڠ ميسکين سرتا اورڠ مسافر (يڠ ترڤوتوس ڤربلنجاٴنڽ يايت زکاة دان صدقه) دان جاڠنله اڠکاو ممباذير (ممبلنجاکن هرتامو ڤد جالن يڠ مڽالهي شرع).**

جسترو، نيلاٴي سايڠ-مڽايڠي، تڠݢوڠجواب، حرمت-مڠحرمتي دان ڤمدولين اداله ايليمن ترڤنتيڠ يڠ ڤرلو دعمالکن دالم کلوارݢ، سکيراڽ سموا ايت تيدق اد، نسچاي کاݢل له کلوارݢ اونتوق مڠچاڤاي نعمت کبهاݢياٴن.

رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اداله چونتوه ترباٴيک دالم ممبينا دان موجودکن کلوارݢ بهاݢيا. دالم کهيدوڤن برومهتڠݢ، رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، اداله ساورڠ سوامي دان باڤ يڠ ساڠت مڠمبيل بارت ترهادڤ کباجيقن کلوارݢ. رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مروڤاکن ساورڠ باڤ يڠ ساڠت منچينتاٴي سرتا مڠاسيهي ڤوترا دان ڤوتريڽ. بݢيندا جوݢ ساورڠ سوامي يڠ ريڠن تولڠ دڠن سريڠ ممبنتو إستريڽ دالم مڠوروسکن رومهتڠݢ تنڤا دمينتا. دالم هوبوڠن دڠن قوم قرابة، بݢيندا صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ساڠت مڠمبيل ڤرهاتين، ممولياکن دان منجاݢ هوبوڠن بايک دڠن مريک.

بݢيتوله ايندهڽ کڤريبادين رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يڠ منونجوقکن چينتا دان کمسراٴنڽ ترهادڤ کلوارݢ بݢيندا. صفة مليا اين ساڠت مسواٴي دڤرکتيقکن دالم کلوارݢ باݢي ملاهيرکن کاسيه سايڠ انتارا سوامي إستري سرتا أنق-أنق. سسوڠݢوهڽ ملاياني مسرتا ممبري کچينتاٴن کڤد کلوارݢ جوݢ اداله سباهاݢين درڤد سنه رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. سموݢ کيت سموا برجاٴي ممباوا چونتوه-چونتوه ترباٴيک رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اين کدالم کلوارݢ کيت.

جماعه يڠ درحمتي الله،

أخيرڽ، ماريله سام-سام کيت ڤنجتکن دعاء کحضرة الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ سموݢ إنستيتوسي کلوارݢ يڠ دبينا برجاٴي مڠهيدوڤکن ڤرسکيترن يڠ بايک دان هرموني سرتا مليمڤهکن کبرکتن کڤد مشارکت دان نݢارا. موده-مودهن کيت برجاٴي منجاديکن نݢارا سباݢاي بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ دان ممبنتوق مشارکت دان ڤندودوق دنݢارا اين برڤݢڠ تݢوه دڠن اجارن إسلام. آمين يا رَبَّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**واهي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان، ڤليهاراله ديري کامو دان کلوارݢ کامو دري أڤي نراک يڠ باهن-باهن باکرنڽ اداله مأنسي دان باتو (برهالا)، نراک ايت دجاݢ دان دکاول اوليه ملائکة-ملائکة يڠ کراس کاسر (لاٴينڽ)؛ مريک تيدق مندورهکا کڤد الله دالم سݢالا يڠ دڤرينتهکنڽ کڤد مريک، دان مريک ڤول تتڤ ملاکوکن اڤ يڠ دڤرينتهکن. { سورة التحريم أية : ٦ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة
# درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 کالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 کالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَاۚ وَهُوَ العَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اَللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan** :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

1. **Bilangan Tawaran:**
(45)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Membekal Dan Menghantar Kelengkapan Dan Peralatan (Tong Sampah Hijau / Hitam) Bagi Kompleks Sukan Padang Dan Belapan, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Stadium Tertutup Dan Kompleks Sukan Sungai Kebun

2. **Bilangan Tawaran:**
(46)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Membekal Dan Menghantar Kelengkapan Dan Peralatan Bagi:
1). Kompleks Sukan Padang Dan Belapan – Meja Lipat, Kerusi Chrome Dan Kerusi Plastic Heavy Duty
2). Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah – Kerusi Chrome Berserta Sarung
3). Cawangan Daerah Tutong – Kerusi Plastik Heavy Duty

3. **Bilangan Tawaran:**
(47)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Membekalkan Dan Menghantar Baja Bagi Pemeliharaan Padang Bagi Kompleks-Kompleks Di Bawah Jabatan Belia Dan Sukan

4. **Bilangan Tawaran:**
(48)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For
1).Mumong Sports Complex And Swimming Pool
2).Arena Field Seria
3).Youth And Sports Office, Kuala Belait
4).Youth Centre And Multi-Purpose Hall (Dewan Serbaguna Bekas Gudang Beras)
5).Bangunan Persatuan-Persatuan Belia Belait
6).Barek Lorong 3 Seria

5. **Bilangan Tawaran:**
(49)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Supply And Install New Solar LED Light Fitting And Panel At Walkway, Gelanggang Gasing And Petanque Court,HBNSC

6. **Bilangan Tawaran:**
(50)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For
1).Temburong Sports Complex Including Outdoor Court And Track & Field
2).Swimming Pool Temburong
3).Youth And Sports Office, Temburong

7. **Bilangan Tawaran:**
(51)JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Kontrak Bagi Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan Dan Penghantaran Makan / Minum Berkonsepkan Individually Packed Meals And Drinks Bagi 9 Orang Atlet Berpotensi Di Bawah Program Elit Kecemerlangan Kendalian Jabatan Belia dan Sukan [JBS]

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
30 Mei 2024

---

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING AND WARRANTY**

**BILANGAN TAWARAN:**
MOE / LTK / 02 / 2024 / 2025
[PTP-MEI-2024]

**KETERANGAN:**
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning, Warranty And Maintenance Of Remote Learning And Recording For The Ministry Of Education.

**KELAS :**
SYARIKAT ICT YANG BERDAFTAR

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN:**
BND35.00
[Bayaran Yuran Tawaran sebanyak BND30.00 dan E-Dokumen sebanyak BND5.00
[Tidak dikembalikan]

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU:**
4 Jun 2024
[Tidak lewat jam 2.00 petang]

**TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :**
29 Mei 2024 (Rabu)
Jam 3.00 Petang

**Information Day :**
**21 Mei 2024 (Selasa),**
**Jam : 10.00 Pagi Dan Tempat : Dewan Utama,**
**Jabatan Perkembangan Kurikulum,**
**Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.**
**Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam**

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Jabatan Pertubuhan- Pertubuhan Antarabangsa**
**Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**

**Iklan Jawatan Kosong**

**Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom**

**Jawatan :**
Operations Officer (Social Policy Development Section), Secretary General's Office

**Kekosongan :**
1

**Tarikh Tutup :**
23 Mei 2024

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui laman sesawang : *http://thecommonwealth.org/jobs*

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada "Architect Consultancy" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 06 / 2024

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) For Consultancy Services For Consortium Under Architect Consultant For Blok Baharu, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

**Yuran Tawaran :**
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
14 Mei 2024

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
28 Mei 2024

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / BPH / 025 / 2024

**Tajuk Tawaran:**
Updating Of Meter Firmware For Token Identifier (TID) Rollover Mitigation Plan Statewide For A Period Of 3 Months

**Tarikh Tutup Tawaran:**
21 Mei 2024, Selasa,
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tempat Tutup Tawaran:**
"TENDER BOX"
PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL,
JABATAN PERDANA MENTERI,
Basement Two (B2)
Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas II, III atau IV sahaja dalam kategori E01.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

---

**JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 03 / 2024

**Tajuk Tawaran:**
Quotation Of 24 Months Term Contract For Rubbish Collection Within Jabatan Daerah Belait Area

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Kelas :** 1 Dan II

**Kategori:**
(SO1, SO2 dan SO3)

**Tarikh Tutup:**
21 Mei 2024 (Selasa)

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

**UNISSA / LTK / MMKK / SNT / 01TAHUN / 2024 – 2025 :**
Tawaran Perkhidmatan Penyediaan Dan Penyajian Makanan Dan Minuman Kolej Kediaman Kampus Sinaut Tutong Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
28 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Sebut Harga:**
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM

**Tajuk :**
Permohonan Bagi Mencetak Dokumen-Dokumen Bagi Keperluan Banci Ekonomi Bagi Perusahaan (BEP) 2024

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 15 Mei 2024

MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Di dalam Mahkamah Tinggi**
**Negara Brunei Darussalam**
**Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 91 / 2016**

**Baiduri Finance Berhad**
**(Previously Filed By HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Minnurul Azri bin Haji Mohaini**
**(00-311305)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 April 2024**.

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Minnurul Azri bin Haji Mohaini**
**No. 18, Spg.127-38,**
**STKRJ Rumah Kembar Rimba,**
**Gadong BE3119,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**14 Mac 2024**

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**22 April 2024**
**Kes No.**
**BCY / CP / 265 / 2015**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang :** Kamalnorlizam bin Haji Mohammad Osmena (BYIC No.: 00-274248). **Alamat** - No. 807, Spg. 807, Kampong Sungai Besar, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 265 Tahun 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 44%. Pertama atau terakhir selainnya –** Terakhir. **Bila Kena Dibayar** – 11 Mac 2024. **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**3 April 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 396 / 2019**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang :** Mohammad Shah Faizan bin Jahri (BYIC No.: 00-292773). **Alamat** – Spg 126, No 108, STKRJ Kg Rimba Gadong, BE3119, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 396 Tahun 2019. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100%. **Pertama atau terakhir selainnya –** Terakhir. **Bila Kena Dibayar –** 12 Februari 2024. **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**21 Mac 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 556 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang :** Pg Damit bin PG Metarsat (BYIC No.: 00-113163). **Alamat –** No.82, Spg 256-45, Perumahan Kembar, Kampung Rimba Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 556 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100%. **Pertama atau terakhir selainnya –** Terakhir. **Bila Kena Dibayar** – 18 Mac 2024. **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**21 Mac 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 224 / 2014**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang :** Nur Amal Hayati binti Abdullah (BYIC No.: 00-276077). **Alamat –** No.5, Blok D32, Spg 12, Jalan Rotan Gajah, RPN Lumut KC 5335, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 224 Tahun 2014. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100%. **Pertama atau terakhir selainnya –** Terakhir. **Bila Kena Dibayar** – 14 Mac 2024. **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**20 April 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 521 / 2008**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang :** Junaidah bte Hj Abd Hamid (BYIC No.: 00-077051). **Alamat –** No.9, Spg 32-38-15, Kg Pancha Delima Berakas, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 521 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 100%. Pertama atau terakhir selainnya –** Terakhir. **Bila Kena Dibayar –** 11 Mac 2024. **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**20 April 2024**

**Nuuror-Raheebah**
**Haji Abd Wahab**
**Timbalan Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Negara Brunei Darussalam**

MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Di dalam Mahkamah Tinggi**
**Negara Brunei Darussalam**
**Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 358 / 2017**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang :** Zuraidah Binti Haji Matusin (BYIC No.: 00-277163). **Alamat -** No 1, Lot 1, Spg 162, STKRJ Tungku, Gadong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 358 Tahun 2017**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 32%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama. **Bila Kena Dibayar –** 16 April 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
9 April 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 442 / 2010**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga dan Terakhir**

**Nama Penghutang –** Narol Hasiken Bte Roslee Penghutang Penghakiman Kedua (BYIC No.: 00-266224). **Alamat -** No 48, Jalan Bagu, RPN Kampung Lumut, Belait KC5335, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 442 Tahun 2010**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir. **Bila Kena Dibayar –** 25 Mac 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**17 April 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 339 / 2023**

**BIBD At-Tamwil Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhammad Faidhiazizi**
**bin Mohd. Shahrol Amira**
**(01-050486)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 April 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Muhammad Faidhiazizi bin Mohd. Shahrol Amira**
**No. 10, Simpang 133,**
**Jalan Katimahar,**
**Kampung Katimahar, BG2721,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**12 Mac 2024**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 April 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada **20 Jun 2024, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **20 Jun 2024, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Tarikh :**
**25 April 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 323 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darusssalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhammad Salfi Rusdy**
**bin Salleh**
**(01-050644)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 April 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Muhammad Salfi Rusdy bin Salleh**
**No. 168, Simpang 286-141-123,**
**Jalan Sumbui-Sumbui,**
**RPN Lumut, Kuala Belai,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**12 Mac 2024**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 April 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada **20 Jun 2024, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **20 Jun 2024, jam 9.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Tarikh :**
**25 April 2024**

**Pg Siti Nursu'aidah**
**Binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin**
**Timbalan Pegawai**
**Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
MFA / ICT / 2024 / T1

**Tawaran:**
The Supply And Delivery Of Gift Sets For The Event At The Ministry Of Foreign Affairs, Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 21 Mei 2024

PELITA BRUNEI

# KEM MOTIVASI : LATIH PELAJAR ASPEK KETAHANAN, SIKAP YAKIN DIRI



**PEMANGKU Pengarah Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan menyampaikan sijil kepada penerima.**

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**



**BERAKAS**, Ahad, 12 Mei. - Seramai 120 orang pelajar Tahun 7 yang menyertai Kem Motivasi 'Sedetik Sejuta Perjalanan', menerima sijil masing-masing pada majlis penutup yang berlangsung di Perkampungan Sukan, Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada wakil setiap sekolah yang menyertai ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Tetamu kehormat turut menyampaikan sijil penghargaan kepada para penaja, agensi-agensi yang terlibat dan guru-guru pengawas.

Terdahulu, wakil peserta kem berkenaan, Awangku Md. Khalil Mateen bin Pengiran Md. Fazillah dalam ucapannya berkata, beliau antara lain telah belajar aspek kepimpinan, cabaran, disiplin serta kemahiran komunikasi dan interaksi dengan kawan-kawan melalui kem berkenaan, di samping menimba banyak pengalaman yang bermanfaat yang boleh diterapkan dalam kehidupan.

Kem yang telah diadakan selama tiga hari dua malam tersebut merupakan salah satu platform untuk melatih pelajar aspek ketahanan dan sikap yakin diri.

Melalui Kem Motivasi ini, pelajar bukan sahaja dikenal pasti antara yang mencapai kecemerlangan dalam akademik, tetapi juga cemerlang dalam sahsiah.

Antara objektif Kem Motivasi tersebut ialah bagi memberikan pendedahan dan pengalaman kepada para pelajar tentang pendidikan kemahiran di luar bilik darjah; meningkatkan semangat jati diri serta semangat perpaduan melalui pelbagai aktiviti pengintegrasian; dan menyediakan platform untuk para pelajar berkongsi sama strategi dan cara menangani isu serta cabaran di dalam pencapaian akademik.

Selain itu, kem ini juga diharap akan dapat menjadi landasan bagi perkongsian kemahiran, pengalaman dan amalan terbaik untuk bekalan anak bangsa yang akan menjadi pewaris, pemimpin dan mengekalkan Negara Brunei Darussalam yang tercinta agar aman, sejahtera dan sentiasa di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Salah satu kriteria pemilihan bagi menyertai kem berkenaan ialah pelajar yang mendapat keputusan cemerlang pada peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2023.

Kem motivasi tersebut dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kaunseling dengan kerjasama Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Unit Pendidikan Kerjaya dan Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar; serta Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam dan Majlis Belia Brunei.



**ANTARA pelajar yang hadir pada Majlis Penutup Kem Motivasi 'Sedetik Sejuta Perjalanan' (kiri dan kanan).**

# 619 bakal jemaah haji Pakej DSSB hadiri taklimat

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**






**TAKLIMAT pengurusan dan perkhidmatan disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB), Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed dan Penolong Pengurus Am, Jabatan Haji dan Umrah DSSB, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir mendengarkan taklimat.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad 12 Mei. - Syarikat Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) selaku syarikat pengendali Pakej Haji utama di Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini mengadakan Majlis Taklimat Pengurusan dan Perkhidmatan Pakej Haji bagi bakal jemaah haji Pakej DSSB Musim Haji 1445H / 2024M.

Majlis berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, di ibu negara.

Taklimat pengurusan dan perkhidmatan disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB), Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed; dan Penolong Pengurus Am, Jabatan Haji dan Umrah DSSB, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar.

Sesi taklimat dibahagikan kepada dua sesi iaitu pada sesi pertama taklimat menyentuh mengenai beberapa maklumat persiapan sebelum keberangkatan, aktiviti dan perkhidmatan yang akan diberikan sepanjang berada di tanah suci nanti, manakala sesi kedua maklumat persiapan hari wukuf di Arafah seterusnya balik ke NBD, taklimat juga diselitkan dengan tayangan video pengurusan haji DSSB di tanah suci.

Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab dan bacaan doa selamat oleh Pegawai Jabatan Haji dan Umrah DSSB, Awang Haji Ahamad Fadhli bin Haji Damit.

Bagi Musim Haji 1445H / 2024M, dari jumlah 1,000 kuota yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi, seramai 619 bakal jemaah akan mengikuti Pakej DSSB melalui tiga pakej iaitu Pakej Delima (Premium), Pakej Safira (Sederhana) dan Pakej Zamrud (Ekonomi) dan 16 orang pegawai.

Sebanyak empat penerbangan haji telah diaturkan untuk membawa para bakal jemaah haji NBD yang akan mula berangkat pada 23 Mei 2024 bagi penerbangan pertama, seterusnya 24 Mei penerbangan kedua, 25 Mei penerbangan ketiga, 26 Mei penerbangan keempat.

Pada tahun ini, DSSB berbesar hati memberikan cenderahati berupa bagasi dan berbagai barangan serta buku panduan kepada setiap bakal jemaah haji, sebahagian cenderahati yang diagihkan selepas taklimat.

Bagi memastikan persiapan pengurusan teratur dan berjalan lancar sebelum ketibaan jemaah haji, seramai empat orang pegawai DSSB yang diketuai oleh Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud, akan bertolak ke Arab Saudi pada 13 Mei ini.

# SINGKIRKAN STIGMA, PANDANGAN NEGATIF KESIHATAN MENTAL

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) berserta dengan negara-negara lain di seluruh dunia memperingati Sambutan Hari Kesihatan Mental untuk memupuk kesedaran mengenai isu-isu berkaitan kesihatan mental pada 10 Oktober setiap tahun.

Pada tahun 2023, tema yang dipilih oleh Persekutuan Kesihatan Mental Sedunia ialah ‘Kesihatan Mental adalah Hak Asasi Manusia’ yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, meningkatkan kesedaran dan memacu tindakan-tindakan yang menggalakkan dan melindungi kesihatan mental setiap orang sebagai hak asasi manusia sejagat.

Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan seterusnya menyatakan dalam ucapan alu-aluannya tema ini juga memfokuskan kepada membanteras stigma dengan meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan mental.

“Stigma atau prasangka buruk mengenai isu-isu berkenaan kesihatan mental termasuk prasangka yang buruk berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan mental dan orang-orang yang mempunyai penyakit kecelaruan mental, adalah satu penghalang terbesar bagi orang untuk tampil ke hadapan dan mendapatkan hak mereka untuk menerima rawatan serta mencapai kesihatan mental yang sejahtera.

“Malah, ada juga individu yang memilih untuk merahsiakan keadaan mereka yang mengalami penyakit kecelaruan mental kerana takut atau malu dengan stigma, yang kesannya kadangkala lebih perit untuk dilalui berbanding dengan penyakit kecelaruan mental itu sendiri,” jelasnya semasa Jerayawara Kesihatan Mental dan Kesejahteraan di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi yang berlangsung di Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri, (JPM) hari ini.

Beliau seterusnya menggalakkan seluruh masyarakat memainkan peranan dalam memastikan hak untuk kesihatan mental yang baik akan dapat dicapai oleh semua, sekali gus memperkasa masyarakat dalam pengetahuan dan tindakan mengenai kesihatan mental di NBD dan menyarankan agar semua pihak berusaha untuk membanteras stigma supaya hak asasi setiap individu untuk mempunyai kesihatan mental yang baik dapat ditegakkan.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan. Acara ini juga diserikan dengan pengongsian ilmu berkaitan dengan kesihatan mental juga telah disampaikan oleh dua ahli panel profesional iaitu Psikologis, Kementerian Kesihatan, Dayang Nurhanisah binti Haji Zulkifli dan Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Fariszal bin Ali.




**JERAYAWARA Kesihatan Mental dan Kesejahteraan di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi yang berlangsung di Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri.**

Kira-kira 200 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan di bawah JPM telah menghadiri jerayawara tersebut yang bertemakan ‘Kesihatan Mental dan Kesejahteraan di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi’.

Jerayawara tersebut merupakan kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan JPM serta dikendalikan bersama dengan sokongan Bahagian Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Clarity Sdn. Bhd.

Jerayawara ini juga merupakan kesinambungan jerayawara ke kementerian-kementerian bersempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023 yang telah diadakan di tujuh buah kementerian yang lain.

Adapun tujuan jerayawara ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran, pencegahan dan pengurusan kesihatan mental, membarigakan kepentingan penjagaan kesejahteraan diri serta berhasrat untuk mengurangkan stigma serta pandangan negatif terhadap kesihatan mental khususnya dalam kalangan warga perkhidmatan awam.

Dalam masa yang sama, ia juga diharap untuk menjadi satu platform pembarigaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan mental dan kesejahteraan diri yang terdapat di negara ini, sama ada di sektor kerajaan mahupun sektor swasta.




# 9 rumah terlibat dalam kebakaran



**INSIDEN kebakaran rumah di Kampung Setia ‘B’.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Mei. - Seramai 52 anggota bomba dari Balai Bomba Sungai Kebun dan Balai Bomba Pelancaran yang diketuai oleh DSO Haji Nordin bin Ahmad serta bantuan tenaga Balai Bomba Bandar Seri Begawan, Balai Bomba Beribi, Balai Bomba Pengkalan Batu dan Balai Bomba Mentiri telah dikerahkan ke tempat insiden kebakaran rumah di Kampung Setia ‘B’, pagi tadi.

Apabila sampai di tempat kejadian, anggota bomba segera bertindak memadam kebakaran tersebut dengan menggunakan 12 jet hos 64mm ke 38mm dengan menggunakan *control dividing breeching.* Air diperoleh daripada air terbuka dan pili bomba yang berdekatan.

Dalam insiden berkenaan, sebanyak sembilan buah rumah terlibat dalam kebakaran berkenaan. Api dapat dikawal daripada merebak dalam masa satu jam. Punca dan anggaran kerugian masih dalam penyiasatan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan kepada orang ramai agar memastikan menutup (*switch-off*) mana-mana suis peralatan elektrik selepas digunakan atau sebelum meninggalkan bangunan; pastikan penyelenggaraan wayar elektrik dikendalikan oleh syarikat yang bertauliah mengikut piawaian yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Sementara itu, orang ramai juga disarankan untuk memastikan bangunan dilengkapi dengan peralatan keselamatan kebakaran iaitu alat pemadam api jenis debu kering (2kg) dan selimut api (*fire blanket*) dan memastikan mengetahui mengenai tatacara penggunaan alat pemadam api dengan betul bagi tindakan awal memadam kebakaran kecil.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

# IMBASAN MINGGUAN



MURID-murid dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) semasa menyertai Rentas Desa anjuran SR YSHHB melalui Bahagian Aktiviti Kokurikulum yang berlangsung di kawasan sekolah berkenaan. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN bakal jemaah haji yang hadir pada Majlis Menerima Mengadap dan Junjung Ziarah bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SEBAHAGIAN kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya menyambut kemeriahan Aidilfitri, sebelum melabuhkan tirainya bertempat di Lantai Bawah Bangunan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

SALAH seorang penduduk di Ulu Belait semasa membuat persembahan tarian tradisi pada Lawatan Muhibah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Ulu Belait. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.





PENYELAM dari Poni Divers semasa membuat penanaman bebola terumbu atau *reef ball* di sekitar kawasan Pulau Pelong Rock atau Pulau Pilong-Pilongan. - Foto : Ihsan Poni Divers.



# Sekolah tuisyen bantu tingkatkan persediaan hadapi peperiksaan

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Ihsan Ms Ezzah Tuition Centre, Jumanji Tuition School**

**KEINGINAN** untuk melihat anak-anak berjaya dalam bidang akademik dan mempunyai masa depan lebih cerah membuatkan sebahagian ibu bapa sanggup melaburkan wang dan masa menghantar anak-anak mereka ke sekolah tuisyen.

Justeru, industri tuisyen semakin berkembang pesat ibarat cendawan tumbuh di siang hari di negara ini berikutan permintaan ibu bapa yang memerlukan bimbingan tambahan untuk pelajar yang akan menduduki peperiksaan.

Bermula dengan menawarkan perkhidmatan tutoring dari rumah ke rumah pada tahun 2016, Ms Ezzah Tuition Centre (METC) melangkah maju ke hadapan dengan menubuhkan cawangan pertamanya di Kiarong pada tahun 2021 dan cawangan di Sungai Hanching pada tahun 2023.

Hasil daripada sokongan dan galakan para ibu bapa pelajar, METC kini mempunyai keramaian pelajar lebih 300 orang yang terdiri daripada pelajar Tahun 2 hingga Tahun 11.

Eksekutif Sumber Manusia MTEC, Dayang Farah Amani binti Suhaili berkata, sekolah tuisyen dapat membantu para pelajar mencapai potensi mereka sepenuhnya, bukan sahaja dalam peperiksaan, malahan kemahiran lain termasuk komunikasi.

"Di METC, kami menggalakkan interaksi antara guru dan para pelajar dengan (menggalakkan pelajar) mengongsikan teknik menjawab soalan dan penggunaan formula yang dipelajari di sekolah masing-masing.

"Kami sentiasa memastikan para pelajar berasa selesa untuk mencuba menjawab soalan yang diberikan walaupun membuat kesilapan agar mereka tahu bagaimana mengatasi kesilapan tersebut di masa akan datang," katanya semasa ditemu bual Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei.

Menurutnya, pihak METC menggunakan sistem berperingkat melalui penilaian yang dilaksanakan tenaga pengajar sekolah tersebut bagi mengenal pasti kelemahan para pelajar terlebih dahulu untuk memperkukuhkan asas pengetahuan supaya mereka dapat menumpukan lebih perhatian kepada pelajaran teras.

"Tenaga pengajar akan mengongsikan teknik pengurusan masa dan menjawab soalan peperiksaan dengan lebih cekap dan tepat.

"Selepas itu, barulah tenaga pengajar akan memberi lebih banyak latihan kepada para pelajar dengan mengulang kaji melalui kertas peperiksaan lepas sebagai persiapan terakhir sebelum menduduki peperiksaan, di samping memberikan nasihat dan sokongan moral berterusan kepada para pelajar," ujar beliau.

Menurutnya membantu para pelajar meningkatkan prestasi pelajaran mereka dalam tempoh masa yang diberikan oleh ibu bapa atau penjaga pelajar, merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh pihak sekolah tuisyen berkenaan memandangkan setiap pelajar mempunyai keupayaan yang berlainan.

"Saya menyarankan ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anak *abiskita* di sekolah tuisyen kami pada awal tahun, agar mereka mempunyai masa yang cukup untuk menangani kelemahan mereka tanpa tekanan masa terutama pada tarikh yang dekat peperiksaan," terangnya.

Beliau turut menzahirkan rasa syukur kerana telah membantu 95 peratus daripada pelajar METC untuk mendapat markah 'A' dalam setiap subjek yang dipelajari di pusat tuisyen tersebut dan angka berkenaan semakin meningkat dari setahun ke setahun sehingga sekarang.

Sementara itu, Pengurus Jumanji Tuition School (JTS), Dayang Siti Amal Mahirah binti Yahya berkata, ibu bapa yang berhasrat menghantar anak-anak mereka ke sekolah tuisyen perlu sentiasa memberi sokongan dan bimbingan kepada anak-anak mereka yang lemah dalam subjek tertentu bagi membantu mempertingkatkan lagi markah mereka sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.

"Jika anak-anak mereka mempunyai masalah dengan mata subjek tersebut, ibu bapa dapat membawa mereka ke sekolah tuisyen.

"InsyaaAllah, guru-guru di sekolah tuisyen akan sedia membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah berkaitan subjek berkenaan," katanya.

Bagi mencari sekolah tuisyen yang sesuai, beliau menyarankan para ibu bapa untuk memilih sekolah tuisyen yang mempunyai bilik kelas yang selesa, guru-guru yang prihatin terhadap kemajuan para pelajar dan mempunyai jadual yang mudah untuk dihadiri pelajar.

Mengulas mengenai kelebihan menghantar anak-anak ke sekolah tuisyen, beliau menjelaskan, guru-guru dapat memberikan lebih perhatian kepada setiap pelajar terutama dalam membantu menyelesaikan setiap soalan memandangkan keramaian pelajar dalam kelas tuisyen yang sedikit.

"Oleh itu, pelajar boleh bertanya soalan-soalan yang mereka tidak faham atau susah dijawab secara terbuka tanpa rasa malu dan segan.

"Di samping itu, sekolah tuisyen adalah 'kelas tambahan' sebagai persediaan bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan penting," katanya.

Bagi membantu pelajar untuk mencapai prestasi yang lebih baik, guru-guru di JTS menggunakan kaedah mengulang kaji pelajaran melalui kertas peperiksaan tahun lepas.

Selain itu, jelas Dayang Siti Mahirah, guru-guru juga akan memberikan *short tests* kepada pelajar mengenai topik yang telah mereka pelajari bagi membolehkan guru menilai prestasi para pelajar.

"Setiap pelajar mempunyai kemampuan yang berlainan jadi guru-guru di sini akan sedaya upaya membentuk dan melatih pelajar mengikut keupayaan mereka, selain merancang kaedah pengajaran yang efektif dan mudah untuk difahami mereka," jelasnya.

JTS juga bermula dengan mengadakan kelas tuisyen dari rumah pada tahun 2005. Dengan sokongan orang ramai cawangan pertama JTS mula ditubuhkan di Kiulap pada tahun 2006 dan seterusnya cawangan kedua di Sungai Tilong.

Pada masa ini, sekolah tuisyen berkenaan mempunyai keramaian 75 pelajar dan menawarkan kaedah pembelajaran secara fizikal di dalam kelas dan dalam talian (*online*).

"Alhamdulillah, JTS masih bertahan selama 19 tahun dan menerima banyak maklum balas positif daripada ibu bapa serta penjaga. InsyaaAllah di masa akan datang, kami akan membuka cawangan baharu lagi," katanya.



PELITA BRUNEI




# Hargai penat lelah jururawat, bidan

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

DALAM dunia penjagaan kesihatan, selain doktor, jururawat dan bidan merupakan insan yang banyak bertungkus lumus memberikan khidmat malah mempunyai potensi untuk melaksanakan tugasan di bawah tekanan dan bekerja dalam keadaan yang paling teruk. Sesungguhnya, tugas dan tanggungjawab seseorang jururawat dan bidan sangat besar dalam menyediakan khidmat untuk merawat pesakit di hospital.

Jururawat tanpa mengenal penat lelah cuba sedaya upaya memberikan yang terbaik kepada pesakit agar proses penyembuhan berjalan dengan lancar. Begitu juga dengan para bidan yang turut banyak berjasa kepada kaum wanita ketika melahirkan. Jasa mereka perlu dihargai kerana mereka bekerja dengan tugas yang sukar berhadapan dengan orang ramai yang memerlukan khidmat mereka. Mereka perlu kuat dari segi emosi kerana perangai setiap pesakit adalah berbeza. Kadangkala penat lelah mereka tidak disedari oleh pesakit tetapi kesabaran yang ditunjukkan merupakan bukti tanggungjawab serta sikap profesional mereka dalam menjalankan tugas.

Jururawat memainkan peranan penting dalam semua institusi perubatan, bertanggungjawab untuk kebajikan, keselamatan dan pemulihan pesakit.

Sementara bidan pula adalah profesional kesihatan yang terlatih untuk memantau dan merawat wanita sepanjang kehamilan, persalinan dan kelahiran.

Mereka juga membantu ibu hamil agar tetap sihat selama kehamilan dan jika tidak ada komplikasi, merekalah yang membantu para wanita untuk proses melahirkan. Ini setentunya memerlukan pengetahuan dan kemahiran tertentu untuk mengendalikan saat-saat genting bagi kaum wanita. Bidan sememangnya turut memainkan peranan penting dalam masyarakat, terutama kaum wanita.

Malah bidan juga memantau kesihatan para ibu dan anak damit pada minggu awal setelah bersalin. Semua ini mesti ditangani dengan berhati-hati memandangkan pemberian susu ibu kepada anak damit juga penting pada fasa ini.

Oleh itu, pada menghargai jasa para jururawat, Hari Jururawat Antarabangsa atau International Nurses Day (IND) disambut pada 12 Mei, manakala untuk para bidan pula, Hari Bidan Antarabangsa atau International Day of Midwife (IDM) disambut pada 5 Mei.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) pula, Hari Jururawat Antarabangsa dan Hari Bidan Antarabangsa ini digabungkan dan diraikan serentak pada setiap 12 Mei dan ia dinamakan sebagai Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (INMD).

Tema tahun ini, 'Jururawat Kita. Masa Depan Kita. Kuasa Ekonomi Penjagaan' yang menonjolkan kesan positif pelaburan dalam tenaga kerja kejururawatan terhadap penyampaian penjagaan kesihatan, pembangunan ekonomi, keamanan dan kesejahteraan masyarakat.

Sambutan ini adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan pada jururawat dan bidan yang berkhidmat tidak kira di klinik atau hospital.

Bagi pesakit pula, jururawat atau bidan yang lazimnya terdiri daripada orang-orang tempatan, adalah tempat pesakit merujuk semula sekiranya mereka tidak memahami apa yang telah diterangkan oleh doktor terutamanya yang berbangsa asing.

### Pembangunan profesional

Sebagai sebuah negara yang mementingkan kualiti penjagaan kesihatan, pembangunan profesional berterusan untuk jururawat dan bidan turut diberi perhatian agar mereka kekal relevan dan berkesan dalam keperluan penjagaan kesihatan masyarakat yang sentiasa berkembang ini. Malah jururawat dan bidan turut berpeluang untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi hingga peringkat Doktor Falsafah.

Semua ini penting bagi pembangunan amalan penjagaan kesihatan baharu agar ia bertambah baik dan boleh meningkatkan hasil pesakit dan kualiti penjagaan kesihatan keseluruhan.

Di negara ini institusi pendidikan kerajaan ada menawarkan kursus berkaitan dengan kejururawatan dan perbidanan iaitu Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Terdapat juga JPMC College of Health Sciences Sdn. Bhd. (JCHS) yang merupakan perintis institusi swasta untuk pendidikan kejururawatan di NBD.

Kita juga patut bersyukur kerana kerjaya sebagai jururawat dan bidan turut mendapat sokongan yang baik dari para ibu bapa di mana terdapatnya peningkatan pelajar-pelajar baharu mengikuti pengajian dalam bidang ini.

### Kesimpulan

Tiada yang lebih menggembirakan hati seseorang jururawat tatkala melihat pesakit yang dirawatnya kembali sihat dan dapat menjalani kehidupan seperti biasa. Penat lelah mereka menggalas tanggungjawab sememangnya tidak dapat dinilai dengan wang ringgit wajar dihargai. Perkembangan bidang kejururawatan dan perbidanan adalah penting agar ia dapat mengikuti perkembangan terkini bagi menyediakan penjagaan yang selamat dan berkesan.



# Cuaca panas : PIBG sekolah jana pendapatan jual air tebu segar

**GUA MUSANG**, 11 Mei. - Cuaca panas yang melanda Gua Musang membolehkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sebuah sekolah di sini menjana pendapatan dengan menjual air tebu segar susulan permintaan tinggi daripada masyarakat setempat.

Penyelaras Agro School Sekolah Kebangsaan (SK) Lepan Jaya, Ahmad Fakhrurrazi Che Daud, 31, berkata penjualan minuman tebu diproses secara terus di kawasan sekolah itu merupakan inisiatif PIBG untuk menjana tabungan persatuan bagi kebajikan murid.

"Kami memproses air tebu setiap hari sejak Mac lepas dan jualan ketika musim panas sangat menggalakkan. Pada bulan lepas lebih RM10,000 keuntungan jualan diperoleh.

"Hasil ini akan digunakan untuk membantu semua murid, kebanyakannya terdiri golongan berpendapatan rendah (B40) yang terkesan dengan kos sara hidup," katanya kepada Bernama ketika ditemui di SK Lepan Jaya, baru-baru ini.

Menurut beliau projek menanam bermula sejak 2022 dan kini terdapat 300 rumpun tebu terdiri tebu merah serta kuning.

Menurut Ahmad Fakhrurrazi, air tebu dijual dengan harga RM3 bagi setiap 800 mililiter dan tebRual kira-kira 200 pek sehari.

"Setiap rumpun mempunyai 10 batang tebu dan dalam satu musim ia boleh dituai bagi tempoh satu hingga tujuh bulan.

"Bagaimanapun bagi meningkatkan tahap pengeluaran dan kualiti air, kami mengambil masa setahun sebelum proses penuaian dijalankan," katanya.

Penasihat Agro School SK Lepan Jaya, Jailani Mat Jusoh berkata selain dijadikan minuman, pembeli turut menjadikannya sebagai manisan cair.

"Tebu merah kebiasaannya dijadikan manisan cair di samping dibuat minuman. Pada bulan lepas lebih 2,000 batang tebu merah dijual untuk dijadikan manisan cair," katanya.

Beliau berkata mereka merancang memperluas penanaman tebu di kawasan kosong yang sesuai di sekitar sekolah supaya dapat memenuhi permintaan. - ©BERNAMA

# APMM rampas 45 set bubu naga di perairan Kedah

**ALOR SETAR,** 11 Mei. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) merampas 45 set bubu naga menerusi Op Aman di beberapa lokasi di perairan Sungai Limau, dekat Yan, baru-baru ini.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata operasi dilaksanakan berdasarkan aduan awam dan pemantauan rutin yang dilakukan terhadap bubu naga yang jika tidak dikekang boleh menjejaskan sumber perikanan negara.

"Semasa rondaan dilakukan anggota Maritim Malaysia menemukan beberapa pancang yang mencurigakan dipasang di kawasan berkenaan.

"Penggunaan pancang digunakan bertujuan mengelirukan pihak berkuasa memandangkan pancang yang sama digunakan oleh pengusaha pukat hanyut... kesemua bubu naga bernilai hampir RM6,000 dirampas dan dibawa ke jeti untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata kes disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985.

Maritim Malaysia tidak akan berkompromi terhadap sebarang aktiviti melanggar undang-undang maritim dan sentiasa komited dalam meneruskan pengoperasian serta rondaan bagi mengekang aktiviti haram di perairan negara.

"Orang awam diminta melaporkan sebarang aktiviti jenayah atau kecemasan di laut melalui saluran talian kecemasan 24 jam MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Malaysia Zon Maritim Kuala Kedah di talian 04-7310579," katanya. - ©BERNAMA

# Mesej tular dakwa Amerika Syarikat kenakan sekatan ke atas Malaysia adalah palsu

**KUALA LUMPUR**, 11 Mei. - Mesej tular yang mendakwa Malaysia negara ASEAN pertama dikenakan sekatan oleh Amerika Syarikat adalah palsu, kata Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil.

Beliau yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata pengesahan mengenai mesej palsu itu diterimanya daripada Kedutaan Amerika Syarikat, selain penafian oleh pihak Reuters sendiri.

"Berdasarkan penafian Reuters Press Team di X (sebelum ini dikenali Twitter) dan pengesahan yang saya terima dari pihak Kedutaan Amerika Syarikat, saya sahkan bahawa mesej tular itu adalah palsu," katanya menerusi media sosialnya hari ini. Terdahulu Reuters mengesahkan tidak melaporkan artikel berita itu yang disebar luas terutama menerusi aplikasi WhatsApp.

"Sebarang dakwaan yang mengatakan Reuters melaporkan bahawa Malaysia adalah negara pertama di Asia Tenggara yang akan disenaraikan oleh Amerika Syarikat sebagai negara yang menaja keganasan, adalah palsu," menurut agensi berita berkenaan menerusi platform X. - ©BERNAMA

# AWASI PENGGUNAAN AI DALAM PENGHASILAN BERITA

**KANGAR,** 11 Mei. - Persatuan Wartawan Perlis (PWP) menyarankan agar penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam penghasilan berita perlu diawasi demi meningkatkan keselamatan, kebolehpercayaan dan integriti maklumat disampaikan kepada masyarakat.

Presiden PWP, Syed Azlan Sayid Hizar berkata inisiatif pengawasan itu penting untuk memastikan AI digunakan dalam penghasilan berita mengikut garis panduan etika kewartawanan siber yang ketat.

"Ketelusan dan akauntabiliti merupakan aspek penting dalam penggunaan teknologi AI untuk menghasilkan berita berkualiti dan memenuhi standard profesionalisme dalam industri media.

"Dalam konteks Malaysia, penerapan etika kewartawanan siber dalam kalangan pelajar adalah penting contohnya sekarang banyak aplikasi yang boleh menulis seperti ChatGPT, Smodin dan lain-lain," katanya kepada Bernama.

Cadangan PWP itu bersempena dengan sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2024 yang akan diadakan di Kuching, Sarawak pada 25 hingga 27 Mei ini dengan mengangkat tema 'Etika Teras Kewartawanan Mapan'.

Syed Azlan berkata kerajaan juga boleh bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk badan media, akademik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memperkukuhkan pengawasan dan penerapan etika kewartawanan siber yang mapan.

"Langkah-langkah proaktif dan kerjasama kukuh diharap dapat memastikan perkembangan teknologi AI dalam penghasilan berita memberikan manfaat kepada masyarakat Malaysia serta nilai-nilai etika kewartawanan siber terpelihara dalam persekitaran media yang semakin canggih," katanya.

Sementara itu, beliau berkata PWP merancang melaksanakan program pendidikan dan latihan berkaitan etika kewartawanan untuk pelajar sekolah di Perlis sebagai usaha memupuk kesedaran dalam kalangan generasi muda mengenai etika kewartawanan siber pada era serba canggih ini.

"Pihak PWP ada perancangan untuk beri pendedahan tentang etika kewartawanan ini kepada pelajar sekolah yang melibatkan kerjasama Antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah-sekolah di Perlis dan diharapkan dapat menyampaikan nilai etika kewartawanan siber secara efektif kepada pelajar," katanya.

Syed Azlan berkata PWP berpandangan bahawa penerapan etika kewartawanan siber dalam kalangan pelajar berupaya memberikan impak positif untuk melatih penggunaan teknologi AI termasuk penghasilan berita.

Kemuncak sambutan HAWANA 2024 bakal dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 27 Mei.

Pelbagai program dirangka bersempena dengan HAWANA 2024 antaranya Persidangan Media Sarawak (SMEC) 2024 bertemakan 'Evolusi Media dalam Era Digital'.

Turut diadakan program Jelajah HAWANA 2024 Bersama Siswa merangkumi enam zon iaitu Sabah, Sarawak, Utara, Timur, Selatan serta zon Tengah dengan pelancarannya dijadualkan pada 24 Mei oleh Menteri Komunikasi Fahmi Fadil.

HAWANA 2024 merupakan perhimpunan terbesar wartawan Malaysia dan dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak, manakala Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) ialah agensi pelaksana acara tahunan itu.

Penganjuran tahun ini ialah edisi keempat selepas diperkenalkan di ibu negara pada 2018, dan sambutan berikutnya di Melaka (2022) dan Perak (2023).

Tarikh 29 Mei diwartakan sebagai Hari Wartawan Nasional sempena penerbitan edisi pertama akhbar Utusan Melayu pada 29 Mei 1939 bagi meraikan sumbangan pemain industri yang menjadi medium bagi membentuk minda masyarakat bermaklumat dalam memupuk kerjasama dan memacu perubahan positif dalam industri. - ©BERNAMA

# Tentera Udara Malaysia, Indonesia akan laksanakan rondaan udara bersama

**JAKARTA**, 11 Mei. - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Nasional Indonesia Angkatan Udara (TNI AU) merancang untuk mengadakan rondaan udara bersama selama tiga hari dari 20 hingga 22 Mei ini.

Rondaan udara bersama ini bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dalam melindungi keselamatan ruang udara kedua-dua negara. Tugasan ini akan melibatkan jet pejuang F-18 dari Skuadron ke-18 TUDM dan jet pejuang F-16 dari Skuadron Udara ke-16 di Pangkalan Udara Roesmin Nurjadin, Riau.

Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat penyelarasan Siri I Malaysia-Indonesia (Malindo) 2024 yang diadakan di Pulau Pinang, Malaysia, dari 6 hingga 8 Mei lepas.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan, TNI AU menyatakan bahawa mesyuarat ini turut membincangkan strategi untuk meningkatkan rondaan udara bersepadu dan perkongsian maklumat untuk pengawasan lebih baik di ruang udara masing-masing.

"Diharapkan kerjasama antara TNI AU dan TUDM dalam aktiviti ini dapat mengukuhkan keselamatan dan kestabilan ruang udara kedua-dua negara. Selain itu, aktiviti ini juga menandakan komitmen bersama dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini," kata kenyataan TNI AU itu.

Mesyuarat berkenaan dihadiri delegasi Malaysia yang diketuai Kolonel Ahmad Edros Ahmad Osman, dan delegasi Indonesia yang diketuai Kolonel Nana Rusmana. - ©BERNAMA

# Indonesia kecam serangan bakar jahat ke atas ibu pejabat UNRWA

**JAKARTA**, 11 Mei. - Indonesia mengutuk sekeras-kerasnya serangan bakar jahat yang dilakukan pelampau Israel dari wilayah diduduki ke atas ibu pejabat Agensi Bantuan dan Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA) di Baitulmuqaddis Timur.

Kementerian Luar berkata insiden ini tidak dapat diterima kerana ia menjejaskan ibu pejabat sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang beroperasi dalam sektor kemanusiaan, mewujudkan satu duluan yang amat negatif untuk keselamatan bangunan, petugas dan lain-lain misi kemanusiaan PBB.

"Tindakan ganas ini berlaku di hadapan mata polis Israel dalam kawasan yang diduduki. Sikap tidak peduli ini tidak boleh diterima dan membuktikan Israel bertanggungjawab ke atas perbuatan keganasan ini," kata kementerian itu.

Menurutnya lagi, insiden ini menambah lagi senarai panjang keganasan, pendudukan haram dan pelbagai pelanggaran undang-undang antarabangsa dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa oleh Israel.

"Majlis Keselamatan PBB perlu segera membuatkan Israel bertanggungjawab terhadap jenayah dan pelanggaran undang-undang antarabangsa yang terus dilakukannya. Tiba masanya Majlis Keselamatan terutamanya mereka yang memegang kuasa veto untuk menunjukkan kepimpinan dan kebijaksanaan untuk keadilan, kemanusiaan dan keamanan," kata kementerian itu pada Jumaat.

Ibu pejabat UNRWA di Baitulmuqaddis Timur ditutup sementara selepas serangan bakar jahat pada Khamis di tengah bantahan yang berminggu-minggu. Dalam satu hantaran di media sosial, Ketua Pesuruhjaya Philippe Lazzarini berkata penduduk Israel menghidupkan api untuk membakar sebanyak dua kali pada perimeter pada petang Khamis.

Petugas UNRWA yang berada di lokasi insiden memadamkan api sendiri kerana bantuan daripada pihak berkuasa Israel yang lewat. Ini merupakan insiden keganasan kedua dalam seminggu berikutan bantahan sama pada Selasa. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# ANGKA KEMATIAN RAKYAT PALESTIN HAMPIR 35,000 ORANG KETIKA ISRAEL TERUS BEDIL GAZA

**ANKARA,** 12 Mei. - Sekurang-kurangnya 34,971 rakyat Palestin terbunuh dalam serangan berterusan Israel di Semenanjung Gaza sejak Oktober lepas, kata Kementerian Kesihatan di wilayah yang dikepung pada Sabtu.

Kementerian Kesihatan Palestin dalam satu kenyataan, menyatakan bahawa 78,641 orang lagi turut cedera dalam serangan itu, lapor Agensi Anadolu.

"Serangan Israel membunuh 28 orang dan mencederakan 69 yang lain dalam tempoh 24 jam yang lepas," menurut kenyataan itu.

"Ramai lagi yang masih terperangkap di bawah runtuhan dan di jalan raya kerana pasukan penyelamat tidak dapat sampai kepada mereka," tambah kenyataan itu.

Israel telah melancarkan serangan yang tidak berkesudahan ke atas Gaza sejak 7 Okt 2023. Tel Aviv juga mengenakan sekatan yang memburukkan keadaan di Semenanjung Gaza menyebabkan penduduknya, terutamanya di Gaza utara, berdepan kebuluran.

Tujuh bulan selepas perang Israel, menyebabkan 85 peratus penduduk Gaza berpindah di tengah-tengah sekatan yang melumpuhkan bekalan makanan, air bersih dan ubat-ubatan, manakala sebahagian besar infrastruktur wilayah itu rosak atau musnah.

Israel dituduh melakukan genosid di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), yang pada Januari lalu mengeluarkan keputusan sementara memerintahkan Tel Aviv menghentikan tindakan genosid dan mengambil langkah untuk memastikan bantuan kemanusiaan diberikan kepada penduduk awam di Gaza. - ©BERNAMA

## Amir Kuwait bubar parlimen yang dipilih sebulan lalu

**DOHA,** 11 Mei. - Amir Kuwait, Sheikh Mishal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, pada petang Jumaat mengeluarkan dekri membubarkan parlimen yang dipilih pada awal April, lapor Sputnik.

"Berdasarkan kepentingan tertinggi negara, kami memerintahkan yang berikut: pertama, membubarkan parlimen, dan kedua, menggantung operasi beberapa klausa perlembagaan selama tidak lebih dari empat tahun," menurut dekri yang dibacakan di Televisyen Pusat Kuwait.

Selain itu, Sheikh Mishal memutuskan bahawa beberapa kuasa parlimen akan dipindahkan kepada Amir Kuwait dan kerajaan. Sebagaimana titah baginda selepas pembubaran parlimen, Sheikh Mishal bertitah "tidak akan membenarkan demokrasi digunakan untuk memusnahkan negara."

Pilihan raya awal Parlimen Kuwait telah diadakan pada 4 April untuk kali kelima dalam tempoh dua tahun berikutan konflik antara cabang eksekutif dan perundangan negara itu. - ©BERNAMA

## IAIS tinjau peluang kerjasama dengan institusi Rusia dan OIC di KazanForum

**KUALA LUMPUR**, 12 Mei. - Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) Malaysia akan meninjau peluang untuk menjalin kerjasama dengan institusi di Rusia dan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) semasa penyertaannya dalam Forum Ekonomi Antarabangsa XV Rusia - Dunia Islam : KazanForum 2024.

Pengerusi IAIS Prof Dr Maszlee Malik berkata misi pertamanya dalam penyertaan di KazanForum adalah untuk mempromosikan diplomasi budaya dengan Rusia dan negara-negara lain yang turut mengambil bahagian.

"Terdapat banyak perkara yang boleh kita terokai melalui platform diplomasi budaya. IAIS bekerjasama rapat dengan Kedutaan Rusia di Kuala Lumpur bagi mempromosikan hubungan kebudayaan.

"Antara sektor yang boleh diterokai menerusi diplomasi budaya adalah pendidikan, sastera, pelancongan halal, hubungan rakyat dengan rakyat, perpaduan umat Islam dan pertukaran pelajar. Banyak yang boleh dipelajari oleh semua negara antara satu sama lain," katanya kepada Bernama ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Bernama sebelum ini melaporkan bahawa wakil dan pakar dari lebih 80 negara telah mengesahkan penyertaan mereka dalam Forum Ekonomi Antarabangsa XV Rusia - Dunia Islam : KazanForum 2024 dari 14 hingga 19 Mei di Rusia.

Menurut sekretariat KazanForum 2024, antara negara OIC yang akan diwakili dalam forum tersebut termasuk Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Malaysia, Turkiye dan Iran. KazanForum tahun ini akan merangkumi Pasaran Hartanah Antarabangsa, Pameran Halal, perbincangan mengenai pelancongan perubatan dan pembangunan kandungan media.

Presiden Rusia Vladimir Putin dalam mesejnya yang disiarkan di laman web Kremlin pada Jumaat berkata Rusia menghargai hubungan mesra yang tradisional dengan negara Islam.

"Saya percaya bahawa kerja-kerja Forum akan terus bermakna dan konstruktif seperti biasa dan akan dijalankan dalam semangat keterbukaan dan kepercayaan. Ia akan membantu mengeratkan lagi persahabatan dan kerjasama kreatif antara negara dan rakyat kita," katanya. Menurut Putin Rusia sangat menghargai keinginan negara Islam untuk melaksanakan dasar luar bebas dan meningkatkan peranan dalam hal ehwal antarabangsa.

"Bersama-sama, kita menyokong pembentukan dunia multipolar yang demokratik, berdasarkan kedaulatan undang-undang dan prinsip keadilan, bebas daripada sebarang bentuk penindasan dan diskriminasi. Kita juga komited untuk mengembangkan kerjasama yang saling menguntungkan dalam semua bidang, daripada perdagangan dan pelaburan kepada sukan dan pelancongan," katanya. Putin berkata Tatarstan sekali lagi jelas menunjukkan potensi yang banyak dan komitmen yang kuat untuk maju dalam pelbagai bidang.

"Pencapaian wilayah ini dalam ekonomi, bidang sosial, sains dan budaya adalah sangat mengagumkan dan menjadi bukti nyata sumbangan ketara umat Islam Rusia serta etnik lain yang tinggal di Republik ini, dalam membangunkan tanah air, mengukuhkan kedaulatan dan pengaruh di peringkat global serta memastikan kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat Rusia," katanya. - ©BERNAMA

## Angka kematian akibat ribut dan banjir di selatan Brazil meningkat ke 136 orang

**SAO PAULO,** 12 Mei. - Angka kematian akibat ribut dan banjir di negeri Rio Grande do Sul di selatan Brazil telah meningkat kepada 136 orang, dengan 125 masih hilang dan 756 lagi cedera, menurut agensi pertahanan awam negeri itu pada Sabtu, lapor Xinhua.

Sejak hujan bermula pada 29 April, negeri itu telah mencatatkan 339,925 orang hilang tempat tinggal, 71,398 ditempatkan di pusat perlindungan dan lebih 2 juta lagi terjejas di 444 daripada 497 perbandaran.

Usaha menyelamat dan amaran klimatologi untuk hujan baharu terus dilakukan di kawasan yang terjejas, menurut agensi itu.

Hujan sekali lagi melanda Porto Alegre, ibu negeri, pada Sabtu, menyebabkan paras air Sungai Guaiba meningkat semula.

Air sungai itu telah melimpah dan menyebabkan banjir besar yang melumpuhkan sebahagian besar bandar dan menyebabkan Lapangan Terbang Antarabangsa Salgado Filho menggantung operasi.

Sehingga Khamis, agensi persekutuan telah menghantar hampir 2,000 tan sumbangan ke Rio Grande do Sul. - ©BERNAMA

## Liga Arab sambut baik resolusi PBB sokong usaha Palestin menjadi anggota penuh

**KAHERAH,**12 Mei. - Setiausaha Agung Liga Arab (AL) Ahmed Aboul-Gheit mengalu-alukan resolusi yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) baru-baru ini yang menyokong usaha Palestin untuk menjadi anggota penuh PBB, lapor Xinhua.

"Undian besar yang memihak kepada resolusi itu jelas menunjukkan kompas kehendak global dan hala tuju pendapat awam antarabangsa," Aboul-Gheit dipetik sebagai berkata dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh pertubuhan pan-Arab yang berpangkalan di Kaherah.

Pada Jumaat, UNGA menerima pakai resolusi yang mengisytiharkan kelayakan Palestin untuk keanggotaan penuh PBB.

Resolusi itu diluluskan dengan 143 undi menyokong, sembilan menentang, termasuk Amerika Syarikat dan Israel dan 25 berkecuali. Resolusi itu menyatakan bahawa "Negara Palestin... wajar diterima menjadi ahli" dan "mengesyorkan agar Majlis Keselamatan mempertimbangkan semula perkara itu dengan baik."

Ketua AL berkenaan berkata bahawa langkah itu "mencerminkan realiti kelayakan Palestin untuk mendapatkan sebuah negara merdeka dan ia juga menghantar mesej yang betul kepada rakyat Palestin pada masa mereka terdedah kepada tragedi yang berterusan," merujuk kepada serangan Israel yang berterusan di Semenanjung Gaza yang dikepung.

Aboul-Gheit menegaskan bahawa "negara yang percaya dengan penyelesaian dua negara perlu mempercepatkan usaha untuk merealisasikan visi ini," sambil menambah bahawa "pengiktirafan negara Palestin dan keahlian penuhnya dalam PBB mewakili langkah penting ke arah usaha itu."

Beliau menekankan kepentingan meneruskan tekanan diplomatik ke atas negara yang memberikan "perlindungan politik untuk Israel" dalam PBB.

Resolusi terbaru itu datang selepas Amerika Syarikat menggunakan kuasa veto bulan lepas dalam Majlis Keselamatan untuk menolak usaha menjadikan negara Palestin anggota penuh PBB. - ©BERNAMA

## Bas terbalik di Jawa Barat ragut 11 nyawa, puluhan cedera

**JAKARTA,** 12 Mei. - Sekurang-kurangnya 11 orang terbunuh dan puluhan cedera apabila bas persiaran yang dinaiki mereka terbalik di jalan berbukit di Subang, Jawa Barat, pada petang Sabtu.

Kemalangan itu berlaku berhampiran kampung Palasari di mukim Ciater kira-kira 6.45 petang waktu tempatan ketika bas yang membawa pelajar sekolah menengah itu pulang ke Depok dari Bandung selepas majlis perpisahan.

Jurucakap Polis Jawa Barat, Pesuruhjaya Jules Abraham Abast dalam satu kenyataan pada Ahad, menyatakan, identiti si mati masih belum disahkan manakala jumlah mangsa masih dikemas kini.

"Kami sedang menjalankan beberapa siri siasatan dan pengumpulan data di tempat kejadian," tambah Jules. Media tempatan melaporkan antara 11 mangsa yang maut ialah seorang penunggang motosikal, seorang guru dan sembilan pelajar.

Mereka yang cedera mengalami kecederaan parah dan ringan dan dikejarkan ke hospital dan pusat kesihatan berhampiran untuk rawatan. Ketua Agensi Pengangkutan Daerah Subang, Asep Setia Permana menjelaskan bahawa bas itu sepatutnya menuju ke Tol Cipali di Subang. Namun, dia mengesyaki kegagalan brek mungkin menyebabkan hilang kawalan yang membawa kepada kemalangan tragis itu. - ©BERNAMA

# BRUNEI LEGENDS TEWAS DI TANGAN MALAYSIA LEGENDS



PARA pemain diperkenalkan kepada tetamu kehormat iaitu Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 11 Mei. - Pasukan bola sepak Brunei Legends terpaksa akur setelah ditewaskan oleh pasukan bola sepak Malaysia Legends dengan kiraan 1 - 4 pada perlawanan Battle of The Legends (BOTL) 24 yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah.

Terdahulu itu, sebelum perlawanan bermula, para pemain telah diperkenalkan kepada tetamu-tetamu kehormat.

Babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan berhempas pulas untuk menjaringkan gol namun permainan selama 30 minit berkenaan tidak menghasilkan mata bagi kedua-dua pasukan.



Masuk babak kedua permainan, Brunei Legends mendahului gol 1 - 0 apabila sepakan Suni Mat Jerah berjaya membolosi gawang pasukan lawan pada minit ke-45 perlawanan.

Namun selang seminit kemudian, Malaysia Legends menyamakan kedudukan 1 - 1 melalui jaringan Ramos Sari pada minit ke-46.

Manakala pada minit ke-51, gawang Brunei Legends sekali lagi digegarkan apabila Ramos Sari menambah lagi gol bagi pasukan Malaysia Legends menjadikan kedudukan mata 1 - 2.

Malaysia Legends terus memperkukuh serangan dan menambah lagi satu gol pada minit ke-58 hasil sepakan Zaquan Adha menjadikan kedudukan 1 - 3.

Dalam babak ketiga perlawanan, Malaysia Legends terus mendominasi perlawanan apabila sepakan Nazzab Hidzan berjaya membolosi gawang Brunei Legends pada minit ke-90 menjadikan kedudukan mata 1 - 4.

BOTL merupakan sebuah acara perlawanan bola sepak yang mengumpulkan para pemain legenda dan ikon-ikon bola sepak tanah air Brunei Darussalam dan juga Malaysia.

Buat pertama kalinya dalam masa 20 tahun, para penonton dapat menyaksikan lagi *reunion* para pemain negara yang pernah menggegarkan SNHB pada satu masa dahulu.

Bukan itu sahaja, mereka juga dapat menyaksikan para pemain hebat dari Malaysia, yang telah mencatatkan sejarah dan telah membuka jalan bagi pertumbuhan dan perkembangan bola sepak Malaysia.

Acara BOTL 24 merupakan sebuah acara kolaborasi antara HU Advertising dan Kedutaan Malaysia sempena menyambut Ulang Tahun Persahabatan dan Hubungan Diplomatik yang Ke-40 Tahun antara NBD dan Malaysia.

ANTARA aksi perlawanan di antara pasukan bola sepak Brunei Legends dan pasukan bola sepak Malaysia Legends pada perlawanan Battle of The Legends.

# Brunei DPMM FC beraksi cemerlang

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League, Ihsan *@sgpremierleague***



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Young Lions FC pada kempen Liga Perdana Singapura (Singapore Premier League - SPL) yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura.

**SINGAPURA,** Sabtu, 11 Mei. - Brunei DPMM FC berjaya memulakan kempen Liga Perdana Singapura (Singapore Premier League-SPL) dengan cemerlang setelah menewaskan Young Lions FC dengan keputusan 1 - 2 yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura.

Gol daripada Brunei DPMM FC masing-masing dijaringkan oleh Miguel Oliveira dan Yura Indera Putera, manakala gol tunggal daripada Young Lions FC pula dijaringkan oleh Farhan Zulkifli.

Babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan.

Penyerang dari Portugal, Miguel Oliveira, 28 tahun, hampir sahaja menjaringkan gol pertama bagi Brunei DPMM FC, namun berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang Young Lions FC, Travis Ang pada minit ke-12.

Young Lions FC seterusnya berjaya menjaringkan gol pertama pada perlawanan berkenaan, pada minit ke-19, apabila sepakan sudut yang ditanduk oleh pemain pertahanan pasukan tuan rumah berjaya menemui Itsuki Enomoto yang seterusnya memberikan umpan yang cantik kepada Farhan Zulkifli yang menyudahkan jaringan berkenaan dari jarak dekat.

Selang tiga minit kemudian, Miguel Oliveira yang beraksi cemerlang pada perlawanan berkenaan berjaya menyamakan jaringan bagi Brunei DPMM FC, susulan umpan yang bijak daripada Farshad Noor, yang disudahkan dengan kemas menerusi tendangan kaki kiri.

Gabungan kedua pemain pertahanan tengah Brunei DPMM FC berjaya menghasilkan gol, apabila Yura Indera Putera berjaya menanduk masuk bola hantaran silang daripada Patrick Flottmann, pada minit ke-38.

Pada separuh masa kedua pula menyaksikan Brunei DPMM FC dengan bijak mengawal permainan namun kedua-dua pasukan gagal untuk menjaringkan sebarang gol dengan rentak perlawanan beransur perlahan.

Keputusan perlawanan kekal 1 - 2 sehingga wasit meniup wisel penamat.

# Aktiviti sukan merangsang perkembangan kanak-kanak




PENOLONG Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**MENTIRI**, Ahad, 12 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum pagi tadi mengadakan Festival Olahraga Kanak-kanak Sekolah-Sekolah Rendah Tahun 2024 yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja.

Pada tahun ini, festival diadakan selama enam hari bagi keenam Kluster dengan mempertandingkan empat acara iaitu Formula Bends, Slide Swing Throw, Rhythmic Jump Relay dan Ladder Recovery.

Festival dimulakan pada hari ini bagi Kluster 1 yang disertai oleh lebih kurang 190 orang murid termasuk pelajar berkeperluan khas dari 14 buah sekolah rendah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pada hari Pertama Festival ialah Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais.

Antara objektif festival ini adalah untuk memperkenalkan aktiviti sukan yang sesuai dengan keperluan fizikal dan pertumbuhan serta perkembangan kanak-kanak.

Di samping itu, ia juga diharap dapat menarik minat kanak-kanak dalam aktiviti gerakan, memperkenalkan asas-asas pergerakan olahraga dalam bentuk permainan, merangsang pertumbuhan dan perkembangan fizikal serta mempromosikan gaya hidup yang seimbang dan sihat dan menggalakkan aspek keseronokan di dalam permainan.

Pertandingan tersebut juga diharap akan dapat memperkenalkan enam bidang olahraga melalui beberapa program pertandingan yang dipanggil 'A Team Event for Children', yang terdiri daripada tiga kumpulan acara iaitu Sprinting / Running Event Group, Jumping Event Group dan Throwing Event Group.




# BERKENAN BERANGKAT KE PERHIMPUNAN AGUNG MAJLIS OLIMPIK ASIA KE-43



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) dan Ahli Lembaga Eksekutif Majlis Olimpik Asia (OCA) berkenan berangkat ke Perhimpunan Agung OCA (OCA GA) Ke-43 yang berlangsung di InterContinental Hotel, Bangkok, Thailand.**

**Oleh : Nurhamiza Haji Roslan**
**Foto : Ihsan Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) dan Ahli Lembaga Eksekutif Majlis Olimpik Asia (OCA) berkenan berangkat ke Perhimpunan Agung OCA (OCA GA) Ke-43 yang berlangsung di InterContinental Hotel, Bangkok, Thailand baru-baru ini.

Menurut laman sesawang OCA, selain daripada agenda lazim OCA GA, seperti Laporan Jawatankuasa OCA dan kemas kini daripada Jawatankuasa Penganjur Sukan OCA, Perlembagaan OCA yang berwajah baharu juga akan dibentangkan di OCA GA Ke-43.

Jawatankuasa Pembaharuan Perlembagaan OCA telah mengusahakan beberapa siri pindaan selama beberapa bulan dan juga telah mengadakan perundingan bersama dengan 45 Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan Asia serta Jawatankuasa Penasihat OCA dan juga Jawatankuasa Peraturan dan Lembaga Eksekutif OCA.

Matlamat pembaharuan ini ialah untuk menyelaraskan Perlembagaan OCA dengan Piagam Olimpik Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa yang mengawal pergerakan Olimpik global sambil mengekalkan autonomi, kemerdekaan dan ciri-ciri Asia OCA.

Pada sesi pembukaan OCA GA Ke-43, Pemangku Presiden OCA, Raja Randhir Singh dalam ucapan alu-aluannya mengalu-alukan kedatangan delegasi daripada seramai 45 Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan.

Dalam ucapannya juga, Raja Randhir menyifatkan OCA GA Ke-43 itu sebagai salah satu GA terpenting dalam sejarah OCA kerana ia akan membuat perubahan besar kepada Perlembagaan OCA.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pembaharuan Perlembagaan OCA, Lembaga Eksekutif OCA dan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) atas sokongan dan bimbingan mereka, terutamanya kepimpinan Presiden IOC, Thomas Bach.

Pada acara tersebut juga, Presiden IOC melalui video langsung menyampaikan ucapan di mana beliau memberi pujian kepada Asia dalam memainkan peranan utama dalam pergerakan Olimpik. Beliau juga memuji OCA dan Pemangku Presiden OCA dalam menyokong atlet Asia.

Presiden IOC juga menyentuh mengenai kejayaan acara Olimpik baru-baru ini di Asia seperti acara Sukan Musim Sejuk Pyeongchang 2018, Sukan Musim Sejuk Beijing 2022 dan Sukan Tokyo 2020.

Presiden IOC kemudian menerangkan bahawa tumpuan utama OCA GA adalah untuk meluluskan pembaharuan perlembagaan yang sejajar dengan Agenda Olimpik 2020+5 IOC iaitu untuk meningkatkan kredibiliti dan integriti sukan.

Presiden IOC menggesa peserta-peserta yang hadir pada OCA GA Ke-43 untuk menggunakan masa itu untuk memacu perubahan positif untuk masa depan sukan di Asia.

# Lebih 200 peserta sertai Larian Transformasi

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Mei. - Lebih 200 peserta menyertai Larian Transformasi bersempena Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan Kali Ke-53 Tahun dan sempena Memperingati Hari Penubuhan Jabatan Penjara Kali Ke-69 Tahun.

Larian yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini, dibahagikan kepada lima kategori iaitu Kategori Fun Run Lelaki dan Perempuan sejauh 2.5 kilometer, Kategori Lelaki dan Perempuan Terbuka sejauh 10km dan Kategori Veteran Lelaki dan Perempuan sejauh 5km.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pelepasan kategori-kategori Larian Transformasi tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman. Tetamu kehormat juga menyertai aktiviti berbasikal semasa larian tersebut.

Laluan bagi larian tersebut bermula dari Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan seterusnya menggunakan jalan-jalan yang ditutup semasa Bandarku Ceria.

Selain daripada Larian Transformasi tersebut, pameran dan jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) serta pameran dan jualan Produk Insaf dan Rakan Seliaan dari Jabatan Penjara juga diadakan yang mengambil tempat di *grandstand* Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Acara berakhir dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang setiap kategori larian yang dipertandingkan.

Hadir sama, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, pihak-pihak swasta serta orang ramai.

Terdahulu sebelum Larian Transformasi, acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan seterusnya Tazkirah Subuh di Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali dengan tajuk tazkirah, 'Kesedaran Masyarakat Membina Ukhuwah'.




**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bersama jemaah yang hadir mendengarkan Tazkirah Subuh 'Kesedaran Masyarakat Membina Ukhuwah' yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali (atas sekali). Manakala gambar atas, Yang Berhormat semasa melancarkan pelepasan Larian Transformasi bersempena Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan Kali Ke-53 Tahun dan sempena Memperingati Hari Penubuhan Jabatan Penjara Kali Ke-69 Tahun.**